



# SELANGOR KDNK

PERCUMA 26 Februari - 4 Mac 2016, 17 - 24 Jamadilawal 1437H

www.selangorku.com

MediaSelangorku

MediaSelangor

tv.selangorku.com

#SmartSelangor

## TARIF AIR KEKAL

Sebarang semakan tarif air yang dicadangkan adalah tertakluk kepada persetujuan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)



LAPORAN  
PENUH  
MUKA | 3

“Setakat ini,  
Kerajaan Negeri  
belum menerima  
sebarang  
cadangan  
untuk menaikkan  
tarif air,”

Menteri Besar,  
Dato’ Seri  
Mohamed Azmin Ali

## Tanjung Karang jadi pekan mati?

CADANGAN  
PEMBINAAN  
PROJEK LEBUHRAYA  
PESISIR PANTAI  
BARAT (WCE)

‘Saya harap dia (Noh) dapat beri tekanan kepada Kerajaan Persekutuan supaya ikut kehendak rakyat dan tadi beliau dah berjanji untuk tidak bertanding sekiranya gagal. Kita pegang janji itu,’ - Exco Perumahan, Pengurusan Bandar dan Kehidupan Bandar Kerajaan Selangor, Dato’ Iskandar Abdul Samad

Henti kait MB  
& Exco

Selangor sudah,  
Sarawak bila lagi



Penyumbang  
terbesar KDNK  
22.4% | 11

LAPORAN  
PENUH MUKA | 2

OLEH NAZLI IBRAHIM

**TANJUNG KARANG** - Dialog terbuka cadangan Projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) pada 23 Februari lalu membuka ruang kepada rakyat menyampaikan pendapat membuktikan Kerajaan Negeri prihatin seperti mana usaha menyelesaikan projek lebuhraya tidak berapa lama dahulu.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Dato' Iskandar Abdul Samad, berkata amalan itu membuktikan semua pihak menilai sendiri suara dan kehendak rakyat.

Katanya, amalan ini berbeza dengan pendekatan Ahli Parlimen Tanjung Karang, Datuk Seri Noh Omar yang hanya mengadakan dialog bersama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dengan disertai beberapa pemimpin Umno dan setempat.

"Sebelum ini, sesi dialog sudah diadakan (7 Disember) ketika itu saya adalah penyelaras DUN Sungai Burung tetapi LLM tidak boleh bagi perinciannya. Mereka minta masa dua bulan.

"Jadi hari ini selepas dua bulan, kita buat sekali lagi dan nampaknya masih cadangan sama juga dibentangkan cuma kali ini kita buat secara terbuka sebab kita mahu dengar daripada rakyat dan kita juga nak LLM dengar sendiri dari rakyat," katanya kepada SelangorKini.

Majlis dialog dihadiri hampir 100 penduduk khususnya penduduk Kampung Sungai Gulang-Gulang dan Kampung Sungai Tenggi Kiri.

Sesi dialog menyaksikan beberapa penduduk mengemukakan pandangan untuk diberi perhatian LLM, Kerajaan Negeri dan

## Projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE)

# Dialog terbuka bukti suara rakyat dipeduli



**Jadi hari ini selepas dua bulan, kita buat sekali lagi dan nampaknya masih cadangan sama juga dibentangkan cuma kali ini kita buat secara terbuka sebab kita mahu dengar daripada rakyat dan kita juga nak LLM dengar sendiri dari rakyat**

**DATO' ISKANDAR ABDUL SAMAD**

Kerajaan Persekutuan.

Salah seorang penduduk hanya menamakan sebagai Faizli menggesa Kerajaan Persekutuan dan konsesi terlibat tidak meneruskan projek itu jika tidak mempunyai dana mencukupi.

"Kalau tiada duit tak payah buat, dengan cara ini tidak menyusahkan penduduk," katanya.

Cadangan itu mendapat sorakan gemuruh apabila mengulas pandangan LLM bahawa cadangan membina lebuh raya merentasi Pekan Tanjung Karang bakal melibatkan kos lebih tinggi.



## 'Dah lama pekan mati, sejak Noh Omar jadi Menteri'



**TANJUNG KARANG** - Pekan Tanjung Karang sudah lama mati sejak Noh Omar menjadi Menteri, kata Shahrul Jani (**gambar**), 48.

Bercakap kepada SelangorKini pada Majlis Penerangan Projek WCE di Dewan Dato' Hormat, anak jati Tanjung Karang itu mengakui kemajuan di pekan terbabit tidak serancak pembangunan di Sekinchan.

"Kalau orang kata Pekan Tanjung Karang pekan mati, pekan kloboi, kalau nak ikutkan memang dari dulu lagi. Apa yang Noh Omar buat untuk majukan



pekan mati ini sedangkan Sekinchan mampu membangun hanya dengan usaha seorang Ahli

Dewan Negeri (ADN) sahaja," katanya.

Bagaimanapun, Shahrul menolak cadangan WCE merentasi kampung di Tanjung Karang yang bakal menyebabkan penduduk terbabit terpaksa berpindah.

Sementara itu, Mahmut Muhammad, 67, tidak menolak sebarang pembangunan termasuk membina lebuh raya baru jika ia memberi manfaat kepada rakyat dan bukannya pihak berkepentingan.

"Buat lebuh raya ini bagus

tapai jangan menyusahkan rakyat. Kalau menyusahkan rakyat, lebih baik tak payah buat," katanya.

Sementara itu, Exco Perumahan, Pengurusan Bandar dan Kehidupan Bandar Kerajaan Selangor, Dato' Iskandar Abdul Samad meminta Noh Omar mengotakkan janjinya menggesa Perdana Menteri mengambil kira kepentingan penduduk sebelum memutuskan jajaran bagi lebuh raya itu.

Katanya, pembinaan lebuh raya adalah tanggungjawab Ke-

rajaan Persekutuan termasuk memilih syarikat konsesi dan membiayai kos pembinaannya.

"Saya harap dia (Noh) dapat beri tekanan kepada Kerajaan Persekutuan supaya ikut kehendak rakyat dan tadi beliau sudah berjanji untuk tidak bertanding jika gagal. Kita pegang janji itu," katanya.

Terdahulu, Noh ketika menyampaikan bantahannya berkata, beliau sudah beberapa kali bertemu Perdana Menteri bagi membincangkan isu lebuh raya itu.

Selangor peduli rakyat

# Tiada cadangan naik tarif air

OLEH NORHAYATI UMOR

**KLANG** - Kerajaan Negeri tidak bercadang menaikkan tarif air sebagaimana dihebahkan media, kata Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Katanya, beliau sudah mendapatkan penjelasan daripada Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) berkenaan perkara itu.

"Saya sudah mendapatkan penjelasan daripada Air Selangor berkenaan perkara ini.

"Setakat ini, Kerajaan Negeri belum menerima sebarang cadangan untuk menaikkan tarif air," katanya kepada pemberita

selepas merasmikan Pesta Cap Goh Mei daerah Klang, di Bangunan Persatuan Hokkien pada 19 Februari lalu.

Sebelum ini, media melaporkan Air Selangor akan menghantar pelan bisnes tiga tahun yang dijangka melibatkan cadangan tarif baharu air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bulan depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, Suhaimi Kamaruzzaman, berkata pelan bisnes berkenaan mengambil kira kos biaya operasi dan kos biaya modal pengurusan air di kawasan Lembah Klang.

**Setakat ini,  
Kerajaan Negeri  
belum menerima  
sebarang  
cadangan untuk  
menaikkan tarif air**

**MOHAMED AZMIN**

Menteri Besar

Bagaimanapun, sebarang se- makna tarif air yang dicadang- kan adalah tertakluk kepada per- setujuan SPAN.



**TINJAUAN  
ORANG RAMAI  
RKYAT  
LEGA TIADA  
KENAICKAN  
TARIF AIR**

Rata-rata rakyat bersyukur dengan keprihatinan Kerajaan Negeri untuk tidak menaikkan kadar tarif air dalam masa terdekat. Pengekalan tarif air itu diyakini memberi impak kepada rakyat khususnya mereka berpendapatan rendah.



Walaupun mungkin kesannya sedikit, tetapi dengan ekonomi sekarang sedikit sebanyak membantu rakyat yang susah

**Kok Chooi Teng,  
41, Suri Rumah**



Dengan kos barang semakin tinggi dan ditambah dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), saya harap kos air terus kekal supaya rakyat tidak terbeban

**Heng Myuk Lang,  
52, Suri Rumah**

Walaupun tidak banyak kos air yang perlu dibayar jika dinaik- kan, ia tetap memberi impak pada kehidupan seisi kelu- arga.

**Shahrin Shaharuddin,  
41, Promoter Dakwah**



## FOMCA gembira tarif air kekal

**SHAH ALAM** - Gabungan Per- satuan-persatuan Pengguna Ma- laysia (FOMCA) mengalau-alukan pengumuman pengekalan tarif air di Selangor seperti dimaklum- kan Menteri Besar, Dato' Seri Mo- hamed Azmin Ali.

Timbalan Presidennya, Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata pengumuman itu tepat pada masanya ketika keimbangan rakyat memuncak jika kenaikan itu bakal berlaku dalam tempoh terdekat.

"Kita mengalau-alukannya jika ia benar dilaksanakan. Kita sedia maklum penstrukturkan industri air Selangor sudah diselesaikan dan mungkin ada kos yang perlu dibayar bagi menampung perbe- lanjaan."

"Kita berharap jika ia (tarif) di-

**Kita berharap  
jika ia (tarif)  
dinaikkan, biarlah  
pada masa akan  
datang dan  
bukannya  
sekarang,**

**MOHD YUSOF  
ABDUL RAHMAN**  
Timbalan Presiden  
FOMCA

naikkan, biarlah pada masa akan datang dan bukannya sekarang," katanya kepada SelangorKini.

Sebelum ini, Mohamed Azmin Ali, berkata Kerajaan Negeri tidak bercadang menaikkan tarif air



seperti dihebohkan.

Katanya, beliau sudah mendapatkan penjelasan daripada Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) berkenaan perkara itu.


## Pemilihan Ahli Majlis berdasas kelayakan

**KLANG** - Pemilihan Ahli Majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) dilantik berdasarkan kelayakan bagi membantu menyel- saikan masalah rakyat.

Menteri Besar, Dato' Seri Mo- hamed Azmin Ali, berkata pe- lantikan itu bukan berdasarkan kepada balasan politik seperti diakwa sesetengah pihak.

"Saya gembira kerana semuanya parti seperti KEDILAN, PAS, DAP dan AMANAH menghantar nama yang baik, orang yang baik untuk dilantik sebagai calon Ahli Majlis.

"Mereka sudah berkhidmat dengan baik, jadi teruskan, ini bukan 'political reward,' katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan perayaan Chap Goh Mei, di Bangunan Persatuan Hokkien, pada 19



Februari lalu.

Mohamed Azmin berkata, fo- kusnya adalah meneruskan ke- cemerlangan Kerajaan Negeri bersama anggota exco bagi me- mastikan faedah kepada rakyat.

"Lebih baik saya teruskan kecemerlangan dan membawa Selangor lebih ke depan. Itu perkara lebih elok daripada bercakap perkara ini," ka- tanya.

Pendengaran awam tangani denggi

# Terjah dan Musnah berjaya

OLEH HAFIZAN TAIB

**SHAH ALAM** - Program Terjah dan Musnah dilancarkan Kerajaan Negeri awal Februari tahun lalu dianggap berjaya menangani penularan wabak denggi.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata berdasarkan statistik, denggi mencatatkan penurunan memberangsangkan selepas program terbatas dijalankan.

"Angka wabak denggi di-

catatkan di Petaling Jaya sebelum itu adalah 1,025 dan menurun kepada 883 kes pada 21 Februari, diikuti 28 Februari (736), 7 Mac (778), 14 Mac (599) dan 9 Mei (331).

"Program dilancarkan di Petaling Jaya dengan disertai Menteri Besar itu memberikan impak kepada proses pembanterasan wabak denggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi pendengaran awam berkenaan wabak denggi di Selangor bersama

Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Keber tanggungjawaban dan Ketelusuan (SELCAT) di sini, 23 Februari lalu.

Namun, SELCAT berpandangan program dijalankan masih tidak memuaskan susulan kes dicatatkan tetap tinggi iaitu 11,201 kes seluruh negeri.

Bagaimanapun, Daroyah berkata, program di pihak berkuasa tempatan (PBT) terus giat dijalankan dengan peruntukan disalurkan secara konsisten mengikut keperluan.

**Program dilancarkan di Petaling Jaya dengan disertai Menteri Besar itu memberikan impak kepada proses pembanterasan wabak denggi**

**DR DAROYAH ALWI**  
Exco Kesihatan



## JKN digesa kenal pasti 'hotspot' pembiakan nyamuk

**SHAH ALAM** - Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) digesa menjalankan kajian bagi mengenal pasti kawasan 'hotspot' denggi dan isu pengurusan sampah di Selangor.

Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru, Ean Yong Hian Wah, berkata kenyataan mendakwa masalah membanteras wabak denggi gagal ekoran masalah pengurusan sampah adalah tidak tepat kerana ia berjalan seperti ditetapkan.

"Kalau dikatakan gagal tidak tepat, tetapi dikatakan kurang berkesan mungkin boleh diterima.

"Bagi saya, JKN perlu menjalankan satu kajian bagi mengenal pasti masalah ini dan tidak

seharusnya mengaitkan dengan pengurusan sampah di pihak berkuasa tempatan (PBT)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sesi pendengaran awam berkenaan wabak denggi di Selangor bersama Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Keber tanggungjawaban dan Ketelusuan (SELCAT) di sini, hari ini.

Beliau berkata, PBT menjalankan tugas pengurusan sampah dengan baik dan ia berada pada tahap membanggakan.

Katanya, kutipan sampah domestik dilakukan secara berkala di setiap PBT dan hanya sampah pulak dijalankan seminggu atau dua minggu sekali mengikut jadual.



## Tumpu usaha pengurusan sampah

**SHAH ALAM** - Isu pengurusan sampah di Selangor wajar diatas bagi mengurangkan penularan kes denggi di negeri ini, kata Ketua Penolong Pengarah Kanan (Vektor) Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), Dr Ooi Choo Huck.

Beliau berkata, isu terbatas perlu menjadi keutamaan Kerajaan Negeri untuk mengawal kes berkenaan.

"Masalah denggi serius dan tinggi di Selangor, maka usaha mengatasinya perlu ditingkatkan.

"Jabatan mendapat antara

langkah perlu adalah menan-

gunjawan dan Ketelusuan (SELCAT), di sini pada 23 Februari.

Bagaimanapun, katanya, kekangan peruntukan ada kalanya mengehadkan tindakan yang ingin dibuat.

Namun, Pengerusi SELCAT, Hannah Yeoh mempersoalkan mengapa JKN tidak memohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Ooi menjelaskan perkara terbatas tidak dimakluminya.

Bagi membanteras denggi, Kerajaan Negeri memerlukan RM1.015 juta pada tahun lalu dan RM1.5 juta untuk tahun ini.



Dr Ooi Choo Huck

gani masalah pengurusan sampah di negeri ini," katanya kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Keber tang-

## PBT perlu tambah kakitangankekang denggi

**SHAH ALAM** - Tambahan kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) dicadangkan bagi penambahaikan dan keberkesanan menangani penularan denggi di Selangor.

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Keber tanggungjawaban dan Ketelusuan (SELCAT), Hannah Yeoh, berkata kakitangan bagi tugas pengecekan tidak memadai setakat ini.

Katanya, PBT perlu mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Negeri agar masalah denggi dihadapi kini agak kritikal.

"PBT perlu mendapatkan bantuan bagi tujuan ini ekoran jumlah petugas dimiliki dirasakan tidak mencukupi termasuk peruntukan dimaklumkan tidak minta kepada

Kerajaan Negeri.

"Kenapa tidak minta?" soalnya dalam sesi pendengaran awam berkenaan wabak denggi di Selangor, di sini pada 23 Februari lalu.

Antara wakil PBT terlibat adalah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Klang (MPK), Majlis Perbandaran Kajang (MPK) dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL).

Hannah berkata, peruntukan dalam lingkungan RM30,000 seperti diterima MPK tidak memadai untuk tujuan itu dan diyakini Kerajaan Negeri boleh menyalurkan peruntukan lebih besar.

## SELCAT cadang Exco lebih aktif

**SHAH ALAM** - Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Keber tanggungjawaban dan Ketelusuan (SELCAT) mendcadangkan Dr Daroyah Alwi dan Ean Yong Hian Wah memainkan peranan lebih aktif bagi mengatasi masalah denggi di Selangor.

Ahli Jawatankuasa Selcat, Dr Xavier Jayakumar, berkata kedua Exco bertanggungjawab perlu mencari jalan menangani isu terbatas supaya ia tidak menjadi masalah besar.

"Kita perlu akui kes denggi di Selangor berada pada tahap agak tinggi dan dengan ini saya minta Exco untuk memainkan peranan lebih aktif bagi menanganiinya.

"Mereka perlu aktif dan berfikir di luar kotak di mana jangan hanya memainkan peranan hampir sama seperti sebelumnya," katanya selepas sesi pendengaran awam mengenai wabak denggi di Selangor bersama SELCAT di sini.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi serta Exco Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru, Ean Yong Hian Wah dipanggil menghadiri sesi pendengaran berkenaan perkara itu.

Kes denggi di Selangor mencatatkan jumlah tinggi dengan 63,198 kes pada tahun lalu serta 6,756 kes sehingga 30 Januari lalu.

**PBT perlu mendapatkan bantuan bagi tujuan ini ekoran jumlah petugas dimiliki dirasakan tidak mencukupi termasuk peruntukan dimaklumkan tidak minta kepada Kerajaan Negeri**

**HANNAH YEOH**  
Pengerusi SELCAT



Wabak denggi

# Laporan SELCAT di DNS 28 Mac

OLEH HAFIZAN TAIB

**SHAH ALAM** - Laporan sesi pendengaran awam berkenaan wabak denggi di negeri ini akan dibentangkan dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) pada 28 Mac depan.

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Keber tanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT), Hannah Yeoh, berkata pembentangan itu adalah bagi tujuan perbaikan semasa sidang DNS nanti.

"Kita akan menyiapkan laporan dan dibentangkan dalam sidang DNS akan datang," katanya selepas sesi pendengaran SELCAT di sini, pada 23 Februari lalu.

Sesi pendengaran itu

membabitkan empat kumpulan iaitu wakil Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), Exco Kerajaan Negeri, kumpulan penduduk dan wakil pihak berkuasa tempatan (PBT) selaku saksi.

Hannah berkata, keterangan diberi dalam sesi pendengaran perlu diberi perhatian serius bagi tujuan penyelesaian.

Katanya, ia susulan tiada komunikasi jelas antara pihak berkuasa berkaitan bagi mengatas masalah itu.

"Bila soal peruntukan, JKN tidak tahu peruntukan boleh dipohon daripada Kerajaan Negeri, begit juga Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan PBT dalam isu saman dan sebagainya," katanya.



## DYMM Sultan Selangor kurnia gelaran Istana

**KLANG** - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menyempurnakan Istiadat Mengangkat Sumpah dan Menjunjung Duli Orang Besar Bergelar, Orang-Orang Besar Istana, Orang Besar Daerah dan Dato' Diraja Selangor di Balairung Seri, Istana Alam Shah pada 20 Februari lalu.

Orang Besar Istana, Yang Mulia Tengku Datuk Ardy Esfardiary Al Haj Tengku Abdul Hamid, 57, dikurniakan pangkat gelaran Yang

Mulia Tengku Seri Paduka Shah Bandar.

Ardy kini menjawat jawatan Pengarah Eksekutif CB Industrial Product Holding Berhad.

Manakala, Yang Mulia Datuk Syed Budriz Putra Jamalulail Syed Amir Abidin dikurniakan gelaran Yang Dimuliakan Engku Mahajara Lela Setia Paduka.

Orang Besar Bergelar, YM Tengku Datuk Iskandar Shah Tengku Ismail Shah Al Haj dikurniakan pangkat gelaran Yang

Dimuliakan Tengku Sri Andika Diraja.

Selain itu, Orang Besar Daerah, YM Prof Tengku Datuk Dr Jamalluddin Tengku Mahmud Shah Al Haj dikurniakan gelaran Tengku Orang Kaya Maha Bijaya Sepang.

Turut dikurniakan gelaran Yang Dihormati Datuk Lela Jasa Diraja ialah Datuk Diraja Selangor, Datuk Richard Alexander John Curtis.

Hadir sama, Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

## Dato' SS terima kunjungan hormat AADK

**SHAH ALAM** - Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Selangor, Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya menerima kunjungan hormat Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Izhar Abu Talib di pejabatnya pada 17 Februari lalu.

Kunjungan itu bagi memantapkan jalinan kerjasama Kerajaan Selangor bersama AADK untuk meningkatkan pelaksanaan program Pencegahan, rawatan dan pemulihan serta penguatkuasaan dadah.

Pertemuan hampir setengah jam itu antara lain turut menyampaikan maklumat dan perkembangan terkini senario



masalah dadah di Selangor, selain mengharapkan kerjasama semua pihak menyokong usaha AADK membanterasnya.

Tahun ini, sambutan Hari Anti

Dadah Kebangsaan akan diadakan di Lawas, Sarawak pada 12 Mac dan akan dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

## 10 minit respon pantas jalan rosak

**SHAH ALAM** - Kurang sepuluh minit aduan dibangkitkan pengguna Facebook berkenaan kerosakan jalan raya di Jalan Bandar Rawang 2, Ahli Dewan Negeri (ADN) kawasan itu, Gan Pei Nei pantas memberi respon.

Katanya, masalah itu dibawa kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Gombak dan pihak terbabit un-

tuk tindakan lanjut dan penambahbaikan.

Tindakan pantas Pei Nei itu mendapat pujian beberapa pengguna laman sosial.

Dalam pada itu, kerosakan jalan itu dipercayai berpunca daripada tindakan kontraktor yang melakukan kerja penambahbaikan saluran pendawaihan

di kawasan terbabit.

Pengguna Facebook membangkitkan keimbangan penduduk berkenaan masalah jalan berlubang yang boleh mengancam keselamatan pengguna jalan raya, khususnya penunggang motorsikal.

Kawasan itu dikatakan berhampiran Mc Donald's, Rawang.

## SELANGOR KINI SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Lembaga Editorial CCSB

**KETUA PENGARANG:** Cecilia Alphonsus

**PENGARANG:** Nurul Farina Nazlan

**PENOLONG PENGARANG:** Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera

**WARTAWAN:**

Hafizan Taib: hafizantaib@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,

Afix Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,

Lizawati Maafa: lizawati@mediaselangor.com,

Norhayati Umor: hayati@mediaselangor.com,

Syasya Sufian: syazwanisufian@mediaselangor.com

Ermizi Muhamad: noraizie@mediaselangor.com

**PENGURUS PEMASARAN & PENGIKLANAN:**

Budi Setyawan: budi@mediaselangor.com | 013 399 2848

**JURUGAMBAR:** Asri Sapkie, Raheemie Arifin & Shuaib Ayob

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akutak 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

Isu pekerja asing

# Kepimpinan negara lemah punca Putrajaya 'flip flop'

OLEH SYASYA SUFIAN

**SUBANG** - Tiada kajian terperinci berkenaan sesuatu perkara mendorong berlakunya tindakan 'flip flop' daripada Kerajaan Persekutuan, kata Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, sikap itu boleh dilihat menerusi isu pendidikan sebelum ini dan terbaru, kesmasukan 1.5 juta pekerja warga Bangladesh ke Malaysia.

"Memang itu sikap Kerajaan Persekutuan yang suka menggubal sesbuah dasar tanpa kajian terperinci dan maklum balas daripada 'stakeholder' serta pemain industri utama.

"Kita dapat lihat kepimpinan Kerajaan Persekutuan yang lemah dan tiada hala tuju jelas untuk memulihkan suasana ekonomi negara yang semakin parah," katanya pada Majlis Sambutan Tahun Baru Cina Dun Bukit Lanjan, di sini pada 21 Februari lalu.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, kelemahan Kerajaan Persekutuan pimpinan Datuk Seri Najib Razak memberi kesan kepada rakyat dan ekonomi negara.

Katanya, isu kepimpinan tidak boleh dipandang enteng akibat ia pendorong kepada pembangunan dan kemajuan sesebuah negeri.

"Jika kepimpinan itu lemah dan tiada visi, maka ia akan memberi kesan kepada rakyat dan ekonomi negara," katanya.

Terdahulu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata Kerajaan Persekutuan membekukan pengambilan pekerja asing termasuk dari Bangladesh.

Namun, Media Bangladesh, Dhaka Tribune melaporkan tindakan Malaysia membuat pengumuman itu hanya untuk menenangkan rakyatnya yang menentang pengambilan pekerja asing.



## Pekerja Asing Mengikut Negara Asal

INDONESIA	39.4%	817,300
NEPAL	23.6%	490,297
BANGLADESH	14.3%	296,930
MYANMAR	6.9%	143,334
INDIA	5.1%	105,188
LAIN-LAIN	5.1%	105,091
FILIPINA	3.1%	63,711
PAKISTAN	2.5%	51,563

JUMLAH KESELURUHAN  
2,073,414

Sumber daripada: Kementerian Dalam Negeri

## BN ubah fikiran taktik alih kemarahan rakyat

**SHAH ALAM** - Penangguhan kesmasukan 1.5 juta warga Bangladesh ke Malaysia adalah taktik sementara Kerajaan Persekutuan untuk mengelak dijadikan serangan utama pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak.

Timbalan Presiden PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata jika pengambilan itu diteruskan, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satim bakal tersepit jika memberi sokongan.

Katanya, isu merentasi kaum, agama dan politik itu diyakini akan memberi kesan kepada Barisan Nasional (BN) semasa PRN Sarawak.

"Warganegara tertindas di negeri sendiri terutama Sarawak, sudah pasti terasa dengan polisi kerajaan membawa warga asing tatkala hidup mereka dihimpit kesusahan kos hidup dan mencari kerja."

"Bayangkan perasaan warganegara sendiri melihat warga asing mendapat kerja, manakala mereka menganggur, warga asing berniaga merata semestinya mereka terus hidup ber-gaji rendah," katanya dalam ke-

**Warganegara tertindas di negeri sendiri terutama Sarawak, sudah pasti terasa dengan polisi kerajaan membawa warga asing**

**TUAN IBRAHIM**  
Timbalan Presiden PAS

nyataan pada 21 Februari.

Tuan Ibrahim berkata, Kerajaan Persekutuan mungkin boleh menyalahgunakan kononnya majikan 'flip-flop' dalam pengambilan warga asing, namun rakyat perlu menanti sama ada keputusan itu diteruskan atau tidak selepas PRN selesai.

"Rakyat tunggu dan lihat apakah alasan Kerajaan Persekutuan ketika itu pula untuk membolehkan pengambilan warga asing semula."

"Besar kemungkinan rakyat terpaksa tunggu sehingga PRN Sarawak selesai dahulu," katanya.

## Izzah: Menteri 'keliru' perkara biasa

**SHAH ALAM** - Percanggahan kenyataan membabitkan pimpinan Barisan Nasional (BN) bukanlah isu baru, kata Naib Presiden KEDILAN, Nurul Izzah Anwar.

Beliau berkata demikian susulan kenyataan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Richard Riot berkenaan isu kemasukan 1.5 juta pekerja asing warga Bangladesh ke negara ini.

"Bercanggah kenyataan dalam kalangan mereka bukan sesuatu yang baru dan memerlukannya," katanya kepada SelangorKini

pada 19 Februari lalu.

Sebelum ini, Zahid berkata kerajaan akan membawa masuk 1.5 juta tenaga kerja Bangladesh secara berperingkat dalam tempoh tiga tahun.

Bagaimanapun, kenyataan itu tidak selari selepas Richard menegaskan 1.5 juta itu adalah pekerja berdaftar dengan kerajaan Bangladesh untuk diantar ke 139 negara yang memerlukan khidmat mereka.

Pada masa sama, Izzah turut mengulangi gesaannya sebelum

ini supaya Kerajaan Persekutuan memberi keutamaan kepada aspek penggajian rakyat tempatan dalam bidang 3D (Dirty, Difficult and Dangerous).

"Perancangan kerajaan bagi menaik taraf kualiti pekerjaan mereka yang bekerja di bawah sektor 3D perlu mendapat pembayaran berpatutan dengan tahap penjagaan minima."

"Malah, kerajaan juga perlu menitikberatkan pelaksanaan gaji RM1,500 sebulan yang masih belum dilunaskan kini," katanya.

## Gabenor baru perlu bebas lantikan politik

**SHAH ALAM** - Lantikan Gabenor Bank Negara baru harus dibuat secara terbuka dan bebas daripada anasir politik untuk memelihara integriti badan itu.

Ahli Parlimen Sungai Petani, Datuk Johari Abdul, berkata ketetapan itu bagi memastikan hal membabitkan kepentingan negara tidak ditadbir individu tidak berkredibiliti.

"Jangan babitkan unsur kepentingan politik terhadap parti atau individu tertentu kerana wujudnya sentimen politik dalam pemilihan itu, ia malapetaka buat rakyat."

"Individu dilantik Gabenor Bank baru itu perlulah bijak, lebih baik daripada Gabenor Bank sekarang ini atau paling tidak pun perlulah setanding dengannya," katanya kepada

SelangorKini.

Pada masa sama, Johari berkata, wujud keraguan apabila khidmat Tan Sri Zety Akhtar Aziz tidak disambung meskipun institusi kerajaan negara berdaya saing di bawah pentadbirannya.

"Kita tidak nampak mengapa Zety perlu bersara awal kerana kalau ikut umur persaraan, khidmatnya boleh dilanjutkan."

"Andaian saya dan rakyat, ini tentunya melibatkan ketegasan Zety terhadap isu rasuah dan penyelewengan Perdana Menteri," kata-

nya.

Zety dilaporkan bakal bersara pada April ini selepas lebih sedekad memegang jawatan terbariti.

1.5 juta Bangladesh masuk

# RM4.38 bilion hilang setahun

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Pengaliran keluar wang ke luar negara dijangka meningkat kepada RM4.38 bilion apabila langkah menambah 1.5 juta pekerja asing daripada Bangladesh dilaksanakan.


Mantan Pengarah Bank Negara Malaysia (BNM), Dr Rosli Yaacob, berkata langkah ini akan memburukkan lagi ekonomi negara dan menyebabkan imbangan pembayaran menjadi deficit.

"Secara purata, jika 5.8 juta pendatang asing sedia ada menghantar pulang wang kepada keluarga di negara asal mereka dianggarkan RM3.48 bilion setahun, maka tambahan 1.5 juta pekerja Bangladesh menyebabkan pertambahan RM900 juta lagi dibawa keluar.

"Keadaan ini tentu memberi kesan buruk kepada ekonomi negara terutama ketika kita sedang berhadapan keadaan ekonomi tidak menentu," katanya kepada SelangorKini pada 22 Februari lalu.

Rosli berkata, anggaran itu diperolehi dengan mengambil kira anggaran gaji purata pekerja asing RM1,200 sebulan dan 50 peratus daripadanya dihantar pulang ke negara asal masing-masing.

Katanya, situasi itu hanya boleh diatasi jika kerajaan memanfaatkan sepenuhnya tenaga kerja tempatan bagi mengelakkan



pengaliran keluar wang secara besar-besaran.

"Kebanyakan pekerja asing mampu mengirimkan kira-kira 50 peratus daripada pendapatan diperolehi ekoran cara hidup mereka terlalu berjimat cermat sehingga sanggup tinggal bersesak di rumah dihuni lebih 10 orang.

"Selain bersesak di sebuah rumah dalam jumlah ramai, ter-

dapat juga majikan menyediakan hostel kepada pekerja asing mereka," katanya.

Terdahulu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata 1.5 juta pekerja dari Bangladesh akan dibawa masuk secara berperingkat dalam tempoh tiga tahun bagi memenuhi permintaan majikan pelbagai sektor.

## Lambakan pekerja asing rencat pendapatan rakyat

**SHAH ALAM** - Pertumbuhan pendapatan rakyat, inovasi dan peningkatan teknologi bakal terencat dengan membawa masuk 1.5 juta pekerja asing tidak mahir ke negara ini.

Ahli Parlimen Kluang, Liew Chin Tong, berkata Malaysia ketinggalan dalam aspek inovasi dan teknologi berbanding negara maju ekoran jumlah pekerja asing tidak mahir berlebihan.

"Mengurangkan jumlah pekerja asing tidak mahir menjadi asas pembinaan negara berteras kepada kemahiran, inovasi dan teknologi luar biasa.

"Disebabkan lambakan pekerja asing, mesin pencuci pinggan mekanikal pun sukar dijumpai di Malaysia dan yang membabsuh

kenderaan kita adalah pekerja asing.

"Mesin basuh kereta sudah tidak digunakan dan perkhidmatan basuh kereta secara manual pula semakin meningkat," katanya dalam kenyataan pada 20 Februari.

Beliau berkata, kemasukan pekerja asing secara besar-besaran juga menggugat peningkatan gaji rakyat tempatan, terutama apabila mereka bersetuju dibayar gaji rendah.

"Gaji peguam yang baru menamatkan pengajian tidak banyak meningkat sejak tiga dekad lalu, begitu juga pekerja sektor lain termasuk tiada ijazah.

"Disebabkan jumlah pekerja asing terlalu ramai, rakyat tem-



Liew Chin Tong

patan tidak dapat menuntut gaji lebih tinggi, sekali gus menjadikan taraf kehidupan mereka," katanya.

## 'Lebihan derma' RM2 bilion manfaatkan Malaysia

**SHAH ALAM** - 'Lebihan derma' RM2 bilion diterima Datuk Seri Najib Razak daripada dermawan Arab Saudi tidak sepatutnya dipulangkan, sebaliknya boleh dimanfaatkan untuk pasaran kerja tempatan.

Pengarah Komunikasi KEADILAN, Fahmi Fadzil, berkata memandangkan Peguam Negara mengatakan derma itu tidak salah di sisi undang-undang, maka ia boleh digunakan bagi pembangunan pasaran kerja.

Katanya, ia sekaligus mampu menyelesaikan masalah semasa tanpa perlu membawa masuk 1.5 juta warga Bangladesh.

"Dalam belanjawan Pakatan 2013, dana khas bernilai RM2 bilion dicadangkan bagi membantu usahawan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta syarikat kecil memperbaiki, menggerak dan menyesuaikan operasi memenuhi keperluan gaji minima.

"Walaupun gaji minima hanya salah satu daripada beberapa taras utama menyelesaikan masalah pasaran kerja, ia adalah langkah asas penting.

"Jika Najib tidak pulangkan 'lebihan derma' RM2 bilion itu



Fahmi Fadzil

dahulu dan melabur dengan mewujudkan dana khas seperti dicadangkan, saya yakin isu pekerjaan tidak timbul," katanya dalam kenyataan pada 18 Februari lalu.

Katanya, isu pekerjaan harus dilihat daripada aspek pelaburan bukan sahaja untuk membina milang, jalan raya dan prasarana pasaran lain, tetapi pelaburan modal insan.

"Saya gesa Putrajaya menghentikan rancangan 'pelaburan' 1.5 juta pekerja asing, sebaliknya fokus kepada pelaburan pendidikan dan modal insan sebagai strategi mampan untuk masa depan pasaran kerja Malaysia," katanya.

## Pengalaman buruh kasar viral di Facebook

**SHAH ALAM** - Pemilik akaun Facebook Abdullah Suady Ramadhan tidak menyangka perkongsian pengalaman hidupnya sebagai buruh kasar menjadi viral di media sosial.

Malah, beliau berterima kasih kepada mereka yang menyokong dan berkongsi pengalaman bahawa anak muda Malaysia tidaklah seteruk sangkaan pihak tertentu.

"Setahun aku menjadi buruh kasar (memasang paip dan pembersihan), panjang bumbung tingkat lima tanpa pakaian keselamatan, masuk keluar lurang, main simen, buat kerja tengah panas, sudah gelap bertambah legam. Gaji ciput, sehari kasar kasar dalam RM30.

"Memikirkan duit pada keluarga dan makan minum, tetapi aku tidak kasih kerana aku hanya perlukan pengalaman. Semua itu pengalaman berharga," katanya.

Katanya, anak muda tempatan juga mampu memegang peranan besar dalam sektor 3D (Dirty, Difficult, Dangerous) yang kononnya tidak digemari belia.

Namun, katanya, sektor pem-

**Apabila timbul isu adakah belia Malaysia mampu bekerja seperti buruh Bangladesh dan Indonesia, jawapan aku YA!**

**ABDULLAH SUADY**

binaan tanpa nilai ihsan dalam urus tadbir menjadikan belia cenderung memilih sektor lain yang lebih berkebajikan.

"Apabila timbul isu adakah belia Malaysia mampu bekerja se-perti buruh Bangladesh dan Indonesia, jawapan aku YA!

"Mudah ambil Bangladesh kerana tidak perlu fikir tempat tinggal selesa, campur serumah 20 hingga 30 orang, tidak seperti melayu 'demand' untuk potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), eluan itu dan ini. Semua tuntutan ini merugikan syarikat besar," katanya.

Nafi perubatan Anwar

# Nurul Nuha minta campur tangan antarabangsa

OLEH ERMIZI MUHAMAD

**KUALA LUMPUR** - Nurul Nuha Anwar kesal tuntutan hak perubatan bapanya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dinafikan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Beliau berkata, campur tangan pihak luar diharap dapat memberi tekanan kepada kerajaan untuk memberi kelonggaran rawatan perubatan bekas Ketua Pembangkang itu.

"Kita berharap selepas pihak luar memberi jaminan ini (rawatan), tiada lagi halangan bersifat politik daripada individu tertentu," katanya kepada SelangorKini di luar bangunan



Nurul Nuha

Kedutaan Amerika Syarikat, di sini pada 18 Februari lalu.

Bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh itu sebelum ini dilaporkan mengalami kesakitan

serius di bahu kanannya susulan kecederaan dialaminya dalam satu kemalangan.

Kecederaan itu memaksa Anwar menjalani latihan intensif dan rawatan fisioterapi di hospital.

Malah, beliau juga perlu membuat imbasan secara berterusan di bahagian buah pinggangnya ekoran berlaku ketumbuhan empat sentimeter (CM) di bahagian itu.

Namun, Anwar tidak diberikan rawatan secara konsisten selepas wujud keraguan apabila Dr Jeyandran yang merawatnya di Sungai Buloh adalah bekas doktor peribadi Datuk Seri Najib Razak.



## 38 NGO serah memorandum

**KUALA LUMPUR** - Usaha ke arah pembebasan Datuk Seri Anwar Ibrahim diteruskan melalui penyerahan memorandum kepada lima negara anggota tetap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Memorandum itu diserahkan 38 gabungan badan bukan kerajaan (NGO) dan parti pembangkang di ibu kota pada 18 Februari lalu.

Wakil gabungan itu, Ronnie Liu berkata, usaha terbabit dibuat bagi mewujudkan campur tangan anggota tetap PBB membabitkan Amerika Syarikat, Rusia, China, Britain dan Perancis.

"Kita berharap usaha ini akan membuka mata banyak pihak khususnya dunia luar untuk terus memberi tekanan ke arah pembebasan Anwar."

"Bebasan Anwar," katanya kepada pemberita di luar kedutaan Amerika Syarikat.

Beliau berkata, usaha berkenaan akan diteruskan lagi dengan mendapatkan kerjasama pertubuhan antarabangsa lain, antaranya Amnesty International dan pertubuhan hak asasi manusia.

"Kita akan terus berjuang menggetarkan isu pemerjajaan Anwar yang secara jelas adalah tahanan politik nomor satu negara," katanya.

Sebelum ini, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menyifatkan penahanan bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh itu melanggar undang-undang antarabangsa selain menggesa pembebasan Anwar.

## Dividen KWSP susut bukti ekonomi lemah

**SHAH ALAM** - Penurunan dividen Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi 2015 membuktikan ekonomi negara berada pada tahap membimbangkan.

Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago, berkata meskipun pasaran ekonomi dunia mengalami susut nilai dengan kejatuhan harga minyak dan kelapa sawit, namun Kerajaan Persekutuan perlu memberi fokus kepada pelaburan berimpak positif.

"Pulangan diterima kini agak rendah dengan anggaran tahun ini tidak begitu menggalakkan sekali gus menunjukkan ekonomi Malaysia tidak mencapai sasaran baik."

"Keadaan ini ditambah dengan kejatuhan nilai harga bahan mentah dan kelapa sawit yang turut menjelaskan pulangan

kewangan pendapatan negara," katanya kepada SelangorKini.

Penganalisis Ekonomi, Datuk Dr Wan Suhaimi Wan Daud, berkata penurunan itu mengesahkan KWSP berdepan masalah kewangan yang memberi kesan kepada pencarum dan pendepositnya.

"Negara sedang mengalami masalah kewangan serius ditambah pula apabila Kerajaan Persekutuan membuat pinjaman daripada KWSP dan pelaburan kurang menguntungkan."

"Ini akhirnya menjelaskan peratusan pulangan kepada pencarum," katanya.

Sebelum ini, KWSP mengumumkan bayaran dividen 2015 adalah RM38.24 bilion bersamaan 6.40 peratus yang menyaksikan penurunan sebanyak 0.35 peratus berbanding tahun sebelumnya, 6.75 peratus.



Mohamed Azmin melepaskan tanglung ketika sambutan Tahun Baru Cina

## Tanglung #BebasAnwar tanda solidariti

**AMPANG** - Dua tanglung tertera tulisan #BebasAnwar dilepas ke udara sebagai tanda solidariti kepada Ketua Umum KEDILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tanglung itu dilepaskan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Ali ketika sambutan Tahun Baru Cina peringkat Parlimen Ampang dan DUN Bukit Antarabangsa di hadapan pusat membeli belah Spectrum pada

22 Februari lalu.

Sebelum ini, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menyifatkan penahanan Anwar melanggar undang-undang antarabangsa dan menggesa pembebasan beliau dengan segera.

Bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh itu sedang menjalani hukuman penjara lima tahun sejak 10 Februari 2015 susulan kes Fitnah II membabit-

kan bekas pembantunya, Mohd Saiful Bukhari Azlan.

Sementara itu, Mohamed Azmin dalam ucapan ringkasnya sekali lagi menyuruh rakyat menjaga kesepadan kaum yang menjadi aset berharga kepada Selangor.

Beliau turut menghargai sokongan diberikan rakyat sehingga menyaksikan ekonomi Selangor terus kukuh.

Pengangkutan awam percuma

# Sarawak wajar teladani kepedulian Selangor

OLEH AFIX REDZUAN

Terkenal dengan perolehan minyak dan kayu bakal, Sarawak sehayalknya mampu memberi kemudahan selesa kepada rakyatnya seperti dirasakan rakyat Selangor bahkan lebih.

Jajaran pengangkutan awam seperti bas percuma diperkenalkan Kerajaan Selangor umpamanya, mampu diberikan kepada rakyat Sarawak ekoran negeri itu kaya dengan lambakan hasil mahsul.

Di saat Selangor menjadi peneraju penyumbang Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 22.4 peratus, Sarawak turut memperkenalkan prestasi cemerlang di tempat ketiga dengan 10.1 peratus di belakang Kuala Lumpur.

Kedudukan itu menunjukkan Kerajaan Sarawak sepatutnya mampu menyediakan sistem pengangkutan awam secara percuma seperti bas di samping tatakelola baik dengan syarat rakyat bangkit membawa perubahan.


Tiada yang mustahil, jika mengamalkan tadbir urus efisien, tanpa terlalu banyak birokrasi dan ketirisan, Sarawak mampu memperkenalkan program seumpama itu bagi kemudahan penduduk pedalamannya ke bandar.

Mungkin dilihat populis, namun demi keselesaan rakyat, idea penyediaan bot tambang percuma merentasi sungai juga memberikan impak besar kepada pengguna jika diwujudkan meskipun kini mereka membayar tambang rendah.

## Dasar peduli rakyat

Tanpa diduga, Selangor membuka langkah selaku perintis memberikan perkhidmatan bas percuma sejak dua tahun lalu yang dahulu dikenali sebagai 'Bas Selangorku'.

Dengan peruntukan awal RM3.5 juta,



### BAS SMART SELANGOR

- Julai 2015 - Selangor belanja RM3.5 juta lancar bas percuma di MBSA, MPSJ dan MPK
- 2016 - Perkhidmatan diperluas ke MPAJ dan MPK dengan tambahan peruntukan RM10 juta
- Menuju ke arah 'Negeri Hijau' dengan mengurangkan penggunaan pengangkutan persendirian
- Sambutan menggalakkan dalam kalangan pelajar universiti, pekerja kilang dan penjawat awam

tiga pihak berkuastra tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) memulakan operasi Bas SMART Selangor.

Lebih membanggakan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menggunakan kekuatan dana kewangan menguruskan sendiri perkhidmatan bas percuma untuk warga setempat.

Bukan itu sahaja, tiga jajaran baru bakal diperkenalkan bagi memenuhi permintaan kawasan luar bandar di saat lebih 452,000 pengguna menikmatinya di kawasan bandar.

Laluan pertama melibatkan perjalanan dari Selangor ke Rawang dan Kuala Kubu Bharu dengan merentasi Majlis Perbandaran Selangor (MPS) dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS).

Kedua dari Kuala Selangor ke Sekinchan hingga Sungai Besar dengan merentasi Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB).

Sementara laluan ketiga melibatkan Banting ke Morib, Tanjung Sepat dan Sungai Pelek.

- Kapasiti 60 orang penumpang
- Mesra Oku dan bebas halangan
- Tempat duduk keutamaan
- Sistem maklumat penumpang
- Perkhidmatan Wifi

**WAKTU OPERASI**  
SETIAP HARI  
6 pagi - 10 malam  
**KEKERAPAN PERJALANAN**  
15-20 minit



## Isu tindih kerusi dirungkai

**SHAH ALAM** - Pakatan Harapan hampir menyelesaikan isu pertindih di beberapa kerusi DUN Sarawak yang ditandingi ketigatiga parti menjelang PRN tidak lama lagi.

Ketua Setiausaha Sekretariatsnya, Datuk Saifuddin Abdullah, berkata penyelesaian itu dicapai dalam pertemuan dengan wakil KEADILAN, DAP dan Parti Amanah Negara (PAN) bagi memastikan satu lawan satu dengan calon Barisan Nasional (BN) di setiap kerusi.

Katanya, kesemua parti itu terus mengadakan perbincangan untuk menyelesaikan beberapa kerusi lagi yang masih ada isu pertindih sebelum akhir Mac depan.

"Pakatan Harapan turut mengambil kira ketegasan PAS untuk terus bertanding dalam PRN dan perbincangan dengan parti itu juga sudah dimulakan di peringkat kepimpinan negeri parti itu di Sarawak," katanya.

Sehubungan itu, katanya, ada kemungkinan untuk Pakatan Harapan tidak bertanding di kesemua 82 kerusi DUN Sarawak jika parti pembangkang lain termasuk PAS mahu bertanding di kerusi berkenaan.

## Makin dekat, makin ketat

**AMPANG** - Pimpinan Pakatan menjangka tapisan lebih ketat bakal dilakukan bagi menghalang kemasukan beberapa tokoh politik menjelang Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak.

Ketua Wanita KEADILAN, Zuraida Kamardin, berkata beliau secara peribadi melihat peluang untuk dirinya masuk ke Sarawak tips bagi membantu jentera berkempen.

"Berkemungkinan besar kita tidak akan dilepaskan masuk ke Sarawak. Makin dekat pilinan raya, makin ketat (sekatan)."

"Kita beranggapan ada lebih ramai tokoh akan ditahan masuk," katanya.

Selain Zuraida, antara pimpinan KEADILAN yang dilarang masuk ke Sarawak adalah Nurul Izzah Anwar, Tian Chua dan R Sivarasa.

## PAS letak calon anak tempatan

**PETALING JAYA** - PAS tetap dengan pendirian untuk bertanding di 11 kerusi DUN dalam PRN Sarawak meskipun Pakatan Harapan (PH) mengumumkan penolakan pertembungan tiga penjuru.

Naib Presiden PAS, Dato' Iskandar A Samad, berkata jumlah itu turut melibatkan kerusi baru diumumkan sebelum ini dan segalanya terserah pada hari pengumuman kelak.

"Saya tidak tahu sama ada perbincangan dibuat antara PH dan PAS tetapi kita mutuamadkan 11 kerusi," katanya.

Menyentuh soal calon beliau berkata PAS bakal meletakkan anak tempatan di kerusi ditandingi dan seorang daripadanya bukan Islam.

# Uniknya Sambutan Tahun Baru Cina di pekarangan masjid

OLEH NORHAYATI UMOR

Tahun Baru Cina adalah perayaan terpenting bagi masyarakat Tiong Hua menyambut tahun baru mengikut kalendar Qamari.

Tahun Baru Cina juga melambangkan titik permulaan dalam nasib dan kehidupan. Sudah tentu kediaman dihiasi dengan buah limau sebagai simbolik murah rezeki, bunga dan pokok limau.

Tidak ketinggalan Yee Sang, kuih bakul dan juga angpau!

Kepelbagaiannya bangsa, agama dan kepercayaan membuatkan Malaysia tidak sunyi dengan pelbagai jenis perayaan.

Tanpa menghiraukan perbezaan agama, masing-masing boleh menyambut dan berkorangsi kemeriahannya sesuai perayaan.

Uniknya, tahun Monyet Api bagi tahun ini disambut di Masjid Aminah Al-Muhairi, SS 2/6 baru-baru ini.

Walaupun sambutan dibuat di pekarangan masjid namun

**Selain menjamu selera, mereka turut membuat lawatan di masjid ini dan ada antaranya belajar mengambil wuduk**

pengunjung daripada kaum Cina tidak putus-putus hadir memeriahkan majlis.

Nazir Masjid yang juga merupakan Pengurus Masjid, Suhardi Osman, 50, berkata penganjuran sambutan itu bertujuan mengeratkan silaturahim penduduk di kawasan sekitar.

Katanya, ia juga untuk membina persepsi masyarakat kaum lain iaitu masjid bukan untuk kaum beragama Islam sahaja.

"Di kawasan ini majoriti kaum Cina. Melayu hanya 10 peratus. Jadi kita sebagai Muslim menjemput dan meraikan kaum ini untuk bersama-sama meraikan sambutan Tahun Baru Cina.

"Kita mahu mereka tahu ba-



hawa masjid bukan untuk orang Islam sahaja," katanya kepada SelangorKini ketika ditemui.

Beliau berkata, sambutan pertama kali dianjurkan itu bukan sahaja menggalakkan



malah luar biasa.

"Kami tidak menyangka sambutan dari kaum Cina amat menggalakkan. Selain menjamu selera, mereka turut membuat lawatan di masjid ini dan ada antaranya belajar mengambil wuduk.

"Di masjid ini kita juga aktif dalam pelbagai persatuan dan sukan membabitkan semua masyarakat," katanya.

Lebih tujuh gerai makanan dan minuman disediakan dengan lebih 200 masyarakat kaum Cina hadir di sambutan terbitan.

Selain gerai makanan dan minuman, turut diadakan aktiviti mewarna bagi kanak-kanak, pemeriksaan kesihatan dan gigi secara percuma serta acara menghias 'cup cake'.

Sementara itu, Yang Dipertua Persatuan Penduduk SS2 (Selatan), Mohamad Noh Othman, berkata sambutan sedemikian akan diteruskan setiap tahun ekoran sambutan menggalakkan.

"Pada mulanya, kita bim-

bang respon kaum Cina namun memandangkan sambutan menggalakkan, jadi ia tidak ada masalah untuk diteruskan," katanya.

Manakala, Lim Theng Kau, pula berpendapat sambutan yang diadakan di masjid itu menggambarkan perpaduan teguh di negara ini.

"Saya fikir ini sambutan tahun baru Cina pertama di Malaysia yang diadakan di Masjid. Saya gembira melihat ramai yang datang."

"Sekarang orang ramai sudah berfikiran terbuka, di mana-mana kita boleh menyambut apa juga perayaan. Itu tiada masalah," katanya.

Beliau berkata respon yang diterima daripada masyarakat Cina gembira dan positif walau pun diadakan di masjid.

Pada sambutan itu, pelbagai jenis makanan disajikan antaranya nasi beriyani, sate ayam, kuetiau, cendol, kek dan sebagainya. Sambutan itu diraikan bermula jam 10 pagi dan berakhir 2 petang.

## JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER



Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buata masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/ Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/ Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahru, JK Negeri Selangor	MEMBEKAL, MEMASANG, MENGGUJI SERTA MENGUJITERIMA PEMASANGAN GANTIAN EMPAT (4) UNIT LIF PENUMPANG TERMASUK LIF VIP DI BANGUNAN SULTAN SALAHUDIN ABDULAZIZ SHAH, SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN	Terbuka	CIDB, SPKK & PKK Gred : G4/G5/G6/G7 Kategori : ME Pengkhususan: M03	Bahagian Kontrak & Ukur Bahru, JK Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor 01.03.2016 (Selasa) Sehingga 14.03.2016 (Isnin)	RM337.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor Pada: 21.03.2016 ( Isnin) Sebelum Pada Jam 12.00 tengahari	Bahagian Kontrak & Ukur Bahru, JK Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor

Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** pada **29.02.2016 ( Isnin ) jam 9.30pagi**. Berkumpul di Lobi Utama Bangunan SSAAS, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Kawangan Mekanikal, Seksyen 17, JK Negeri Selangor. No. Tel: 03-55190352

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya PENAMA yang tercatat di dalam sijil PKK,SPKK,PUKONSA atau UPKJ sahaja yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikenarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikendalikan membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lemaga Pembangunan Industri Pembinan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputra yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (Jika Berkenaan) bersertai satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikendalikan membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputra (jika berkenaan)

T1 - Syarikat 100% ekuiti Bumiputra milik tempatan (Warganegara)

\*Jenis Syarikat Tempatan: A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.

A2 - Syarikat Usahamasa yang diperbadankan di Malaysia dan equiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

Penyumbang utama KDNK 22.4%

# Selangor kekal mantap

OLEH AFIX REDZUAN

**PETALING JAYA** - Selangor terus menjadi penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berjumlah 22.4 peratus berdasarkan statistik semasa dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Exco Pelaburan, Perindustrian IKS serta Perdagangan dan Pengangkutan, Dato' Teng Chang Khim, berkata kecemerlangan Selangor itu diikuti Kuala Lumpur dan Sarawak semestinya negeri lain menyumbang tidak melebihi 10 peratus.

"Mengikut perangkaan mutakhir diumumkan Jabatan Perangkaan, Selangor menyumbang 22.4 peratus KDNK negara semestinya Kuala Lumpur menyumbang 15.1 peratus dan Sarawak 10.1 peratus," katanya.

Katanya, kecemerlangan itu turut

## KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KPDNK)

- Selangor  22.4%
- Kuala Lumpur  15.1 %
- Sarawak  10.1%

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

diiringi dengan kejayaan Selangor yang bakal meletakkan diri dalam peta aeroangkasa sedunia dalam tempoh terdekat.

Beliau mengharapkan kedatangan Tahun Baru Monyet Api tahun ini membawa tuah kepada Selangor dalam mengharungi cabaran ekonomi tidak menentu selain meminta rakyat terus memberikan sokongan kepada pimpinan Kerajaan Negeri.

## Selangor lancar pertandingan E-Commerce pertama Malaysia



**SHAH ALAM** - Selangor Information & E-Commerce Council (SITEC) dengan kerjasama Invest Selangor melancarkan pertandingan sulung 'Malaysia Top EC Merchant Awards 2016' buat semua peniaga E-Commerce di Selangor Digital Creative Center (SDCC).

Exco Pelaburan, Perindustrian IKS serta Perdagangan dan Pengangkutan, Dato' Teng Chang Khim, berkata perdagangan merentasi sempadan dijangka berkembang tahun ini dan kerajaan akan memberikan sokongan sepenuhnya kepada industri.

"E-Commerce mampu meningkatkan eksport memupuk Selangor sebagai pusat perdagangan ekoran ia menutup jurang yang menggongkong jualan secara tradisional menerusi kedatangan pembeli ke Malaysia."

"Manakala, pembelian dalam talian akan menjimatkan kos perjalanan pembeli," katanya.

Chang Khim berkata, Kera-

jaan Negeri komited memupuk perdagangan merentas sempadan menerusi agenda Komuniti Ekonomi Asean selain berharap pemain E-Commerce mampu menembusi pasaran antarabangsa.

"Kita gembira terdapat peningkatan usaha daripada pemain industri untuk melabur semula dana serta berusaha memperluaskan gudang mereka seperti Lazada dan Photobook," katanya.

Pemenang pertandingan 'Malaysia Top EC Merchant Awards 2016' bakal membawa pulang hadiah lumayan berbentuk wang tunai RM10,000, trofi, sijil, ruang bekerja selama setahun di SDCC serta berpeluang mendapat peluang menimba ilmu bersama pemain industri.

Untuk keterangan lanjut berkenaan SITEC dan 'Malaysia Top EC Merchant Awards 2016', boleh menghubungi Loke Chee Hoo (012-670 5026) dan Fatin Fadila (016-551

0803).

## PKNS ►JAWATAN KOSONG

### PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

(Selangor State Development Corporation)

Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Selangor atau ibu/bapa pemohon yang dilahirkan di Negeri Selangor yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan di Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor seperti berikut:-

BIL	JAWATAN	GRED	KUMPULAN PERKHIDMATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI
1.	Juruterawam (Kontrak)	J41	Pengurusan & Profesional	Kejuruteraan	Gaji RM 2,360.00 Minimum Kadar Kenakan Gaji Tahunan 225.00 Elaun ITKA 300.00 Elaun ITP 300.00 Elaun COLA 300.00 Maksumum 8,743.00
2.	Penolong Juruukur (Kontrak)	JA29	Pelaksana	Kejuruteraan	Gaji RM 1,418.00 Minimum Kadar Kenakan Gaji Tahunan 145.00 Elaun ITKA 160.00 Elaun ITP 300.00 Elaun COLA 300.00 Maksumum 5,121.00
3.	Penolong Aktauntan (Kontrak)	W27	Pelaksana	Kewangan	Gaji RM 1,367.00 Minimum Kadar Kenakan Gaji Tahunan 145.00 Elaun ITKA 160.00 Elaun ITP 300.00 Elaun COLA 300.00 Maksumum 5,098.00
4.	Penjaga Jentera Elektrik (Kontrak)	J17	Pelaksana	Kejuruteraan	Gaji RM 953.00 Minimum Kadar Kenakan Gaji Tahunan 95.00 Elaun ITKA 115.00 Elaun ITP 300.00 Elaun COLA 300.00 Maksumum 3,490.00
5.	Pembantu Kemahiran (Kontrak)	H17	Pelaksana	Kemahiran	Gaji RM 953.00 Minimum Kadar Kenakan Gaji Tahunan 95.00 Elaun ITKA 115.00 Elaun ITP 300.00 Elaun COLA 300.00 Maksumum 3,377.00
6.	Pembantu Tadbir (Kewangan) (Kontrak)	W17	Pelaksana	Kewangan	Gaji RM 929.00 Minimum Kadar Kenakan Gaji Tahunan 95.00 Elaun ITKA 115.00 Elaun ITP 300.00 Elaun COLA 300.00 Maksumum 3,377.00
7.	Pembantu Setiausaha Pejabat (Kontrak)	N17	Pelaksana	Pentadbiran dan Sokongan	Gaji RM 928.00 Minimum Kadar Kenakan Gaji Tahunan 95.00 Elaun ITKA 115.00 Elaun ITP 300.00 Elaun COLA 300.00 Maksumum 3,375.00
8.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) (Kontrak)	N17	Pelaksana	Pentadbiran dan Sokongan	Gaji RM 928.00 Minimum Kadar Kenakan Gaji Tahunan 95.00 Elaun ITKA 115.00 Elaun ITP 300.00 Elaun COLA 300.00 Maksumum 3,375.00
9.	Pembantu Operasi (Kontrak)	N11	Pelaksana	Pentadbiran dan Sokongan	Gaji RM 802.00 Minimum Kadar Kenakan Gaji Tahunan 80.00 Elaun ITKA 95.00 Elaun ITP 300.00 Elaun COLA 300.00 Maksumum 2,663.00
10.	Penghantar Notis (Kontrak)	N11	Pelaksana	Pentadbiran dan Sokongan	Gaji RM 802.00 Minimum Kadar Kenakan Gaji Tahunan 80.00 Elaun ITKA 95.00 Elaun ITP 300.00 Elaun COLA 300.00 Maksumum 2,663.00
11.	Pemandu Kenderaan (Kontrak)	H11	Pelaksana	Perkhidmatan Kemahiran	Gaji RM 837.00 Minimum Kadar Kenakan Gaji Tahunan 80.00 Elaun ITKA 95.00 Elaun ITP 300.00 Elaun COLA 300.00 Maksumum 2,619.00
12.	Pembantu Awam (Kontrak)	H11	Pelaksana	Perkhidmatan Kemahiran	Gaji RM 837.00 Minimum Kadar Kenakan Gaji Tahunan 80.00 Elaun ITKA 95.00 Elaun ITP 300.00 Elaun COLA 300.00 Maksumum 2,619.00
13.	Pekerja Sambilan Harian	-	-	-	Kadar Upah (RM/Sehari) 54.00

### 1. UMUR

Calon-calon mestilah tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

### 2. SYARAT LANTIKAN

i) Sila rujuk portal rasmi PKNS di alamat berikut : <http://www.pkns.gov.my>.

ii) Keutamaan diberikan kepada calon LELAKI.

### 3. CARA MEMOHON

i) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang dimuat turun melalui laman web <http://www.pkns.gov.my>.

ii) Semua permohonan hendaklah disertakan sekeping gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan pemohon, salinan kad pengenalan ibu bapa serta sijil lahir pemohon, sijil-sijil persekolahan dan lain-lain dokumen yang berkaitan.

iii) Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan dikehendaki mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing.

iv) **Permohonan yang tidak diisi dengan lengkap akan ditolak.**

v) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh enam (6) bulan selepas tarikh tutup dianggap **TIDAK BERJAYA**.

### 4. ALAMAT PERMOHONAN :

Pengurusan Sumber Manusia

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

Tingkat 2, Menara HPAIC Laman Seri Business Park, No.7 Persiaran Sukan Seksyen 13, 40100 Shah Alam Selangor Darul Ehsan

### 5. TARikh TUTUP

Tarikh tutup iklan ialah pada **14 Mac 2016 (Isnin)**.



**01**  
ADN Taman Medan, Haniza Talha bersama waris warga emas yang menerima khairat kematian RM1,000 di bawah Skim Mesra Usia Emas (SMUE) di DUN itu

**02**  
ADN Selat Klang, Dr Halimah Ali menyertai program gotong-royong dan penanaman pokok anjuran Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan Teluk Pulai

**04**  
Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamarrudin menyerta penduduk Kampung Bukit Sungai Putih dalam program Gotong-royong Banteras Aedes di kawasan itu

**06**  
ADN Kinrara, Ng Sze Han bersama penduduk setempat bersedia untuk menggaul Loh Sang di Restoran New Tsui Yan, Puchong Jaya sempena Tahun Baru Cina

**08**  
Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan, Hee Loy Sian menyerahtanggung angpau kepada kanak-kanak sempena sambutan Tahun Baru Cina di Seksyen 1, Petaling Jaya Old Town

## Mengangkat sosio ekonomi desa dan kampung tradisi

# Ke arah Selangor harmoni

**Apakah cabaran yang bakal dihadapi bagi merealisasikan tema Belanjawan 2016?**

Bagi jawatankuasa saya ada sedikit penambahan terutamanya program pembangunan desa dan kampung tradisi. Cuma beberapa program yang kita rancangkan tahun ini juga sebagai salah satu kesinambungan program lalu dengan melihat beberapa penambahbaikan.

Untuk Hal Ehwal Agama Islam, walaupun belanjawan memperuntukkan jumlah besar berbanding jawatankuasa lain, tetapi bidangnya saya melihat agak luas dengan beberapa pengkhususan baru. Saya kira peruntukan yang ada pada hari ini, bukan bermaksud kecil tetapi perancangan yang dilaksanakan juga besar apatah lagi dengan penyusutan nilai wang.

Ini sebagai salah satu cabaran dalam belanjawan dibentangkan Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) lepas.

**Secara keseluruhan berapakah peruntukan untuk jawatankuasa ini?**

Pembangunan luar bandar, desa dan kampung tradisi, kita memperuntukkan RM10 juta. Pada tahun lalu diperuntukkan RM12 juta. Dari segi pelaksanaan kita melakukan dengan baik dan saya rasa jumlah itu mampu untuk memberikan impak lebih baik bagi jalan raya di desa serta kampung tradisi.

Bagi pembangunan dan baik pulih kemudahan awam, kita memperuntukkan RMS juta berbanding RM4 juta tahun lalu. Keperluan itu agak besar bagi pembangunan desa dan kampung tradisi.

Aktiviti kampung tradisi kita memperuntukkan RM1.1 juta, termasuk pemerkasaan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Sebanyak RM1.65 juta pula untuk aktiviti pembangunan ekonomi kampung. Tahun lepas kita mengadakan beberapa aktiviti berbentuk keusahawanan untuk masyarakat kampung bagi menyemarakkan ekonomi melibatkan jangka pendek dan sederhana.

Saya melihat ia program positif untuk membantu mereka meningkatkan sumber ekonomi dengan peruntukan kita ada. Insya Allah ada kesinambungan



bagi program terbabit.

**Pengurusan masjid dan surau lebih tersusun sejak PAKATAN mentadbir Selangor, adakah Dato' mempunyai cita-cita mewujudkan hub dakwah seperti di Kelantan?**

Di Selangor, kita ingin menjadikan institusi agama seperti masjid dan surau sebagai pusat transformasi masyarakat atau jantung pembangunan sesebuah kampung. Ia susulan masjid adalah lokasi utama apabila kita mengadakan program di kawasan kampung, termasuk Karnival Kampungku Kesangganku (3K).

Bagi menjadikan sesuatu kawasan itu sebagai lokasi dakwah, kita perlu memberikan fokus kepada anak muda. Kita mahu jadikan Dataran Kemerdekaan sebagai pusat dakwah kepada anak muda

Dalam program sembang santai yang kita anjurkan tahun lalu, Insya Allah diteruskan untuk tahun ini dengan kerjasama bahagian dakwah Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) dan jawatankuasa dakwah Majlis Agama Islam Negeri Selangor (MAIS). Kita mencadang-

**Bagi menjadikan sesuatu kawasan itu sebagai lokasi dakwah, kita perlu memberikan fokus kepada anak muda. Kita mahu jadikan Dataran Kemerdekaan sebagai pusat dakwah kepada anak muda**

kan program anak muda dianjurkan sebulan sekali.

Mungkin ia program santai, namun kita mengkhususkan program ilmiah. Selain JAIS, kita juga melibatkan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan (PADAT) untuk membawa agenda program ini supaya diselitkan hiburan berbentuk warisan di samping menimba ilmu.

**Pendakwah juga memainkan peranan penting dalam institusi dakwah. Bagaimanakah kriteria pemberian tauliah supaya pendakwah menyampaikan tazkirah selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal-Jamaah (ASWJ)?**

Agama Islam di bawah kekuasaan negeri masing-masing dan dinaungi DYMM Raja atau Sultan. Saya tidak nafikan ilmu itu perlu sampai tidak kira daripada sesiapa pun, tetapi bentuk kawalan itu perlu ada supaya tidak lari daripada aliran ASWJ demi menjaga keharmonian masyarakat.

Dari segi pentaulahan kepada penceramah dan ustaz perlu dipandang serius. Di Selangor ada Jawatankuasa Tauliah terdiri daripada ahli panel yang memudahkan penceramah supaya mereka mendapat tauliah sebelum menyampaikan tazkirah.

Ada juga dalam beberapa keadaan kita memberikan tauliah sementara dan yang pasti fahaman mereka perlu selari dengan aliran ASWJ.

**Bagaimana perkembangan semasa pemantauan ajaran sesat?**

Selangor tidak nafikan antara tumpuan orang luar dan pelbagai ajaran sesat masuk. Kita sudah fatwakan beberapa ajaran sesat di Selangor dan sudah dimaklumkan menerusi hebahan media.

Dari segi kawalan di pering-

kat JAIS sendiri melalui pengukuhan sentiasa bergerak melalui maklumat awam, kita akan membuat kajian berkenaan berlakunya ajaran sesat.

Setakat ini semuanya terkawal dan jelas beberapa kes sudah di dakwa serta diambil tindakan mahkamah.

### Pembelaan guru KAFA

**Kawalan mesti dimulakan menerusi generasi muda, bagaimana nasib guru KAFA yang bertanggungjawab membentuk sahsiah dan apakah ditawarkan kepada mereka?**

Guru KAFA antara yang ramai di Selangor dengan adanya banyak sekolah agama. Kita sejua maklum guru KAFA banyak bersifat sambilan, bukan tetap atau kontrak.

Ia memerlukan perbelanjaan besar untuk penggajian dan datang daripada tiga sumber iaitu Baitulmal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kerajaan Negeri.

Kita mempunyai lebih 6,000 guru KAFA di Selangor. Sebagian daripada penggajian mereka dibiayai JAKIM. Alhamdulillah

kita naikkan daripada RM1,300 kepada RM1,500, bergantung kepada tahun perkhidmatan. Kenaikan itu menyaksikan peningkatan peruntukan hampir RM20 juta setahun daripada Kerajaan Negeri.

Hanya 2,500 guru KAFA itu dibayai JAKIM, bakinya 10 peratus dibiayai Kerajaan Negeri.

**Adakah Kerajaan Negeri berhasrat menganjurkan pernikahan perdana untuk anak muda tahun ini?**

Program perkahwinan perdana untuk belia ini pernah ada inisiatif ketika saya memegang jawatankuasa belia dengan hasrat perkahwinan tidak memerlukan belanja besar. Buat masa ini saya rasa inisiatif itu masih diteruskan di bawah Jawatankuasa Belia.

Apabila diamanahkan menggalas Jawatankuasa Hal Ehwal Agama ini, saya melalui program 3K yang turun ke setiap daerah menggalakkan untuk diadakan perkahwinan perdana jika mereka berkemampuan.

Pada tahun lepas kita buat perkahwinan perdana peringkat Daerah Hulu Langat melibatkan beberapa pasangan dan penjimatan dari segi kos. Kita sudah maklumatkan ke semua daerah untuk diadakan perkahwinan perdana sempena Karnival 3K.

**Apa perancangan Dato' untuk program Adat Melayu dan Warisan?**

Tahun ini saya lebih menuju rus kepada adat yang baik dan tidak bercanggah dengan syariah. Kita membuat kajian dan sampaikan kepada masyarakat, adat-adat membawa kebaikan terhadap sistem kekeluargaan, bersosial dan perpaduan.

Banyak adat warisan diting-

galkan nenek moyang kita yang tidak bercanggah dengan syariah hilang begitu sahaja.

Saya ambil contoh mudah budaya bersalam. Itu adab yang baik untuk diketengahkan. Remaja hari ini tidak nampak perbuatan itu memberikan impak baik. Pelbagai cara mereka memberikan salam namun kita nak tonjolkan bahawa bersalam itu juga membawa adab baik.

Kita sudah berbincang dengan PADAT supaya dapat dihasilkan program memberikan impak.

**Program 3K sangat diberikan tumpuan. Bagaimanakah reaksi dan impak kepada masyarakat sejak diperkenalkan? Apakah yang cuba disampaikan?**

Hasrat utama adalah membawa semua agensi di bawah jawatankuasa saya mengetengahkan program kemasyarakatan.

Saya mahu mereka menyampaikan maklumat setiap agensi secara terus kepada masyarakat kerana kita mendapat reaksi baik. Dengan kehadiran mereka ke masjid dan luar kawasan sekitar, kita dapat banyak maklumat berkenaan Kerajaan Negeri tidak sampai kepada mereka.

Saya juga bawa mesej Me-

**Apabila program 3K diperkenalkan, mesej program MES itu sampai kepada mereka dan masyarakat melihat bahawa inilah kerajaan dinantikan selama ini**



rakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dalam program ini. Masih lagi ada insentif perkahwinan, Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) dan Skim Mesra Usia Emas (SMUE) yang tidak sampai kepada masyarakat.

Walaupun Kerajaan Negeri sudah menyediakan peruntukan besar, namun (maklumat) tidak sampai kepada mereka, hatta pemberian air percuma juga tidak diketahui meskipun berjuta ringgit kita sediakan.

**Bagaimanakah program 3K mengukuhkan sokongan rakyat terhadap Kerajaan Negeri?**

Apabila program 3K diperkenalkan, mesej program MES itu sampai kepada mereka dan masyarakat melihat bahawa inilah kerajaan dinantikan selama ini.

Kerajaan ini membawa mesej peduli rakyat dan mereka sedar dengan kekuatan kewangan yang ada perlu sampai kepada rakyat. Saya melihat secara tidak langsung apabila mesej ini sampai kepada rakyat, sokongan terhadap kerajaan akan diperkuuh.

**Apakah strategi merealisasikan hasrat 'Peduli Rakyat' dan mendekatkan pengundi dengan Kerajaan Negeri?**

Program 3K adalah aktiviti secara khusus. Selain itu, kita juga melaksanakan program khusus meningkatkan hasil ekonomi masyarakat luar bandar dengan mengumpulkan mereka dalam satu tempat bagi membekalkan bantuan peralatan dan perunitan.

Itu adalah antara cara mengeratkan hubungan antara masyarakat dengan Kerajaan Negeri, ia sudah tentu memberikan ikatan yang baik dari segi pemantauan serta penjanjana ekonomi masyarakat bawahan.

**Pembangunan infrastruktur luar bandar**

**Bagaimanakah daripada segi infrastruktur masyarakat luar bandar?**

Sudah dua tahun kita menyediakan peruntukan pembangunan jalan luar bandar dan menjadi isu kepada Kerajaan Selangor sebelum ini. Dengan adanya peruntukan RM12 juta tahun lepas dapat kita perbaiki dan hasilnya memudahkan masyarakat mengeluarkan hasil kebun.

Secara tidak langsung, hasil ekonomi masyarakat setempat dapat diperbaiki. Peruntukan RM10 juta untuk tahun ini, dijangkakan kita akan melangkah lebih jalan yang perlu dibaiki supaya suasana penjanjana ekonomi dapat dibentuk di kawasan luar bandar.

**Kampung tradisi yang cantik akan menarik pelancong untuk datang, adakah tahun ini jumlah penyertaan bakal diperhebatkan?**

InsyaAllah. Dalam pertandingan ini kita libatkan semua kampung. Kita anjurkan dua fasa, peringkat daerah dan negeri. Untuk tahun ini, kriteria

masih sama dengan melihat kekuatan dan identiti kampung masing-masing untuk ditonjolkan.

Tahun lepas turut dipertandingkan kedai runcit terbaik di peringkat kampung kerana kita melihat ia satu keperluan hari ini kerana banyak kedai runcit di kawasan kampung dikuasai orang asing.

Peruncit kita dahulu perlu diperkasakan supaya menjadi ikon kampung dan keperluan masyarakat.

Saya juga berhasrat mempertandingkan inovasi yang ada di peringkat kampung selaras dengan fokus SMART Selangor. Ia sekaligus diketengahkan serta dikongsi kepada kampung lain.

**Apakah hasrat yang tidak berjaya dilakukan pada 2015 dan cuba dilaksanakan pada 2016?**

Daripada aktiviti dilakukan tahun lepas terutama dalam aspek membangunkan aktiviti ekonomi masyarakat yang tidak berkemampuan, tahun ini saya memilih program bermanfaat kepada masyarakat luar bandar.

Walaupun program pembangunan ekonomi itu sesuai yang baik, saya lihat lebih baik kita tumpukan kepada program jangka sederhana, khusus untuk membina masyarakat kampung.

**Apakah harapan Dato' untuk 2016?**

Harapan saya, semua yang dirancangkan Kerajaan Negeri disambut masyarakat kerana jika mereka tidak mengambil peluang, ia jadi kerugian.

Seperti yang saya sebutkan pelbagai program dianjurkan, jika mesej tidak disampaikan secara jelas, rakyat tidak tahu insentif ditawarkan kepada mereka.

Medium seperti TVSelangor dan SelangorKini juga perlu memainkan peranan selain mesej disampaikan terus kepada rakyat dan kakitangan kerajaan.



Sudirman dalam kenangan

# Salam Terakhir 24 tahun lalu masih meruntun jiwa

OLEH NAZLI IBRAHIM

**M**ALAM semakin larut. Suasana di Jalan Chow Kit, Jalan Tunku Abdul Rahman dan lorong belakang di kawasan tumpuan warga kota 'tidak berkelas' itu juga semakin suram. Kesibukan dan hingar-binggar deruan kenderaan siang tadi turut beransur lenyap.

Menyusuri Jalan Chow Kit lebih dalam, di kaki lima, gelandangan kedinginan mengerekot berbaring beralaskan kotak bertambalan lengan. Masa seolah-olah begitu perlahan sekali menantikan sejarah yang entah bila berulang semula.

Tanggal 14 April, 30 tahun lalu, penghuni lorong suram ini pernah dihiburkan irama rancak lagu rakyat bersulamkan gemerlapan cahaya lampu limpah dibanjiri ribuan penghuni kota, gelandangan, kaya dan miskin sama-sama berasak-asak.

Pada malam itulah, sejarah tercatat apabila buat pertama kali gelandangan di Chow Kit dan warga kota lain disatukan dengan sajian hiburan percuma oleh penghibur

nomor satu negara, Allahyarham Datuk Sudirman Arshad.

## Seniman berjiwa rakyat

Pemergian Sudirman meninggalkan kesan mendalam kepada industri hiburan negara kerana beliau bukanlah seorang penghibur biasa tetapi terdapat seribu satu kelainan membezakan beliau dengan kebanyaknya penghibur lain.

Tatkala kebanyakkan penyanyi lain mempunyai pengikut yang tertumpu kepada satu kelompok kaum sahaja, sebaliknya Sudirman mempunyai peminatnya tersendiri terdiri daripada semua lapisan bangsa dan agama ekoran kemampuannya menyanyikan lagu pelbagai bahasa.

Sudirman juga tidak kekok menjolkan semangat patriotisme-nya dalam banyak persembahannya dengan mengenakan pakaian bercorak Jalur Gemilang.

Malah lagunya bertajuk 31 Ogos menjadi pilihan utama stesen radio sehingga ke hari ini setiap kali menjelang ulang tahun kemerdekaan.

Jiwanya juga sangat dekat



dengan kehidupan rakyat biasa seperti mana diekspresikan dalam banyak lagunya seperti Aku Penanggur, Anak Gembala, Apa Khabar Orang Kampung, Basikal Tua, Chow Kit Road, Anak Dagang, Punch Card dan banyak lagi. Lagu 'Chow Kit Road' sendiri turut memaparkan ragam warga kota khususnya masyarakat kelas

bawah yang menjadikan Jalan Chow Kit sebagai tempat tumpuan pada masa itu.

Tidak dilupakan kehidupan di desa seperti lagu Anak Gembala, Apa Khabar Orang Kampung, Basikal Tua, Anak Desa, Aku Budak Kampung dan lain-lain

## Pencapaian

Semasai hayatnya, Sudirman turut mencapai pelbagai anugerah antaranya dinobatkan sebagai Penghibur Nombor Satu Asia pada 'Asian Popular Music Awards', menyertai World ABU Song Contest, Penghibur Terbaik RTM 1977, Festival Filem Malaysia Ketiga bagi kategori Bintang Harapan, Anugerah Juara Lagu 1987 dan banyak lagi.

Acara anugerah 'Asian Popular Music Award' yang diadakan bersama dengan Saleem Music Awards Festival berlangsung di Dewan Royal Albert, London sekali gus menjadikan beliau sebagai penyanyi Malaysia pertama mengadakan persembahan di dewan berprestij itu.

Selain berjaya sebagai penghibur, Sudirman pada masa itu boleh dikatakan satu-satunya artis memiliki pendidikan tinggi sehingga ke tahap Ijazah Perundangan di Universiti Malaya.

Satu-satunya filem yang dibintanginya adalah, Kami yang memaparkan dua remaja gelandangan hidup di kota serba mencabar.

Beberapa bulan sebelum beliau jatuh sakit, Sudirman dikatakan seolah-olah mengetahui bakal pergi buat selama-lamanya apabila beberapa kali secara spontan memberitahu penulis lirik dan juga teman baiknya, Habsah Has-

## Salam Terakhir

Sampaikan salam  
buat semua  
Salam terakhir salam  
teristimewa  
Kepada kau yang tersayang  
Pada teman yang ku kenang  
Pemergian ku ini tak  
dirancang

Usah bertanya mengapa aku  
Mengucap salam terakhir  
kepada mu  
Kerna waktu berputaran  
Bimbang tak berkesempatan  
Melahirkan kerinduan  
terhadapmu

Demi sebuah kenyataan  
Yang amat menyakitkan  
Aku yang tidak berdaya  
Hanya berserah padaNya

Salam akhir  
Salam yang teristimewa  
KepadaNya ku memohon  
keampunan  
MelaluiNya ku beri kemaafan  
Kepadamu

Andainya aku punya waktu  
Masih ku ingin mengulangi  
semula  
Saat indah bersama mu  
Sayang tak berkesempatan  
Abadikan saja salam ku di  
ingatan

Salam ku yang terakhir

san bawaha beliau akan meninggal pada usia muda.

Dari situ kemudiannya Habsah menghasilkan lirik Salam Terakhir yang menceritakan dari dalam diri Sudirman sendiri.

Lagu Salam Terakhir pada awalnya tidaklah begitu popular ekoran ditenggelamkan beberapa lagu popurnya dalam album sama ketika itu seperti Meristik Khabar dan Milik Siapa Gadis itu.

Bagaimanapun selepas pemerian beliau, lagu Salam Terakhir menjadi pilihan kebanyakan peminatnya ekoran liriknya yang begitu meruntun perasaan bersulam irama yang begitu mendayu.

Kesedihan dan kesayuan dirasai peminatnya pada hari kematiannya 24 tahun lalu apabila mendingarkan ucapan perpisahan, Salam Terakhir dari Sudirman itu kekal hingga ke hari ini.

Sudirman meninggalkan kita pada 22 Februari 1992 pada usia 37 tahun.

## MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Persiaran Semarak Api, Cyber 1 63200 CYBERJAYA,  
Selangor Darul Ehsan

### KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Negeri Selangor yang berdaftar dengan CIDB dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi kerja-kerja berikut :

Bil	No.Tender	Tajuk Kerja	Bidang, Sub Bidang & Pecahan Bidang	Harga Dokumen
1.	MPSepang 400-10/12-01/2016KEJ	Cadangan Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Persiaran Sepang Putra, Jalan Tasik Dedap 9 Jalan Beringin 2 dan 3, Jalan Tasik Jejawi 1 Dan 2, Jalan Perleng 2, Taman Pantai Sepang Putra, Sungai Pelek Untuk Majlis Perbandaran Sepang.	CIDB, SPKK, G3 CE21 & UPEN	RM150.00
2.	MPSepang 10/12-02/2016KEJ	Cadangan Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Mawar Perdana 4a, 5a, Jalan Seruja 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22/1, 22/2, 22/3, 23, 24, 26, 27, 28, 29, 30 dan 32 Taman Seruja Bandar Baru Salak Tinggi Untuk Majlis Perbandaran Sepang.	CIDB, SPKK, G4 CE21 & UPEN	RM150.00
3.	MPSepang 10/12-03/2016KEJ	Cadangan Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Dahlia, Jalan Dahlia 3/2, 3/3, 3/4, 3/7, 3/8, 7/1, 7/2, 7/3, 7/4, Taman Dahlia, Jalan 1 Kosmopleks, Jalan St 1/2 Bandar Baru Salak Tinggi Untuk Majlis Perbandaran Sepang.	CIDB, SPKK, G3 CE21 & UPEN	RM150.00

2. Dokumen tender boleh dibeli pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **18hb Februari 2016** hingga **10hb Mac 2016** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera atau wakil yang mengemukakan Surat Lantikan Wakil, Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) yang asal. Bayaran hendaklah dibuat secara **Tunai, Wang Pos Atau Bank Draf** yang berpalang atas nama **'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'**.

3. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** disebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras Dua, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 Tengahari pada 10hb Mac 2016**.

4. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

## Industri seni Islam didik jiwa masyarakat

**SHAH ALAM** - Penggiat seni tanah air terus dihargai dan menjadi sumber inspirasi kepada anak muda dan masyarakat dalam bentuk kesenian Islam pada Gala Aspirasi Seni 1.0 (GAS 1.0).

Program bermula jam 12 tengah hari pada 20 Februari lalu itu dipenuhi pelbagai slot menarik seperti Santai Kopitiam, Forum, Kuliah Magrib dan lain-lain dengan kehadiran artis tanah air.

Antara yang menjadi tumpuan anak muda adalah slot Santai Kopitiam: Penggiat Seni Sebagai Agen Perubahan dengan kehadiran Fyn Jamal, Hafiz

Hamidun, IM Fakhrul, Ustazah Ros Izanuri dan Soutul Amal pada sebelah petang.

Pada sebelah malam GAS 1.0 turut menjadi penantian anak muda dengan kehadiran artis tanah air seperti Afdlin Shauki, Yana Samsudin, Caliph Buskers, Ustazah Norhafizah Musa dan ramai lagi.

Selain itu, ia juga adalah bagi melahirkan penggiat seni yang mendidik jiwa manusia dan membina industri seni islam.

GAS 1.0 adalah anjuran Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Tautan Rahmat.



## GAS 1.0 medan dakwah generasi muda

**SHAH ALAM** - Penganjuran Gala Aspirasi Seni (GAS) 1.0 memberi fokus mendedahkan masyarakat khususnya anak muda kepada seni dan budaya yang mampu menjadi agen perubahan ke arah mematuhi syariat.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Istiadat Melayu dan Warisan, Perkumpungan Desa Dan Tradisi, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata program diadakan buat julung kali itu adalah untuk mengumpulkan semua penggiat seni dari pelbagai bidang bagi menarik anak muda.

"Anak muda dan masyarakat

dapat didekah bagaimana keterlibatan penggiat seni dari-pada pelbagai bidang di samping mampu mendedahkan kita sebagai umat Islam untuk lebih dekat kepada Islam itu sendiri.

"Dengan kehadiran artis ini kita mengharapkan kisah dan penghijrahan mereka menjadi ikutan anak muda daripada segi tingkah laku, pakaian atau menjadi idola buat anak-anak ke arah lebih baik," katanya sewaktu Majlis Perasmian Gala Aspirasi Seni 1.0 di Dewan Raja Muda Musa, Shah Alam, di sini, pada 20 Februari lalu.

Katanya program sebegini juga menjadi medan wadah dakwah kepada generasi muda.

Penganjuran itu secara tidak langsung menterjemahkan komited Kerajaan Negeri mengangkat dan memelihara seni dan budaya di negeri itu demi kesinambungan tamadun.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Ahmad Zaki Arshad, Penolong Pengarah JAIS Bahagian Dakwah, Mohd Basori Umar dan Presiden Tautan Rahmat, Ustaz Mohammad Ibrahim@ Mad Cina.

## Gelaran timbul kekeliruan

# 'Artis' tidak sesuai untuk pelukis

OLEH HAFIZAN TAIB



**Prof Raja Zahabuddin**

**SHAH ALAM** - Istilah 'pelukis' lebih sesuai digunakan untuk golongan penggiat seni dalam bidang berkenaan berbanding 'artis' yang menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

Ahli Lembaga Amanah Yayasan Seni Selangor, Prof Raja Datuk Zahabuddin Raja Yaacob, berpandangan istilah terbabit secara langsung menggambarkan karier sebenar kumpulan berkenaan.

"Ada kalanya apabila disebut artis, ada yang bertanya awak pelakon atau penyanyi?

"Bagi saya istilah sebenar memang sudah tersedia maka elok kitakekalkan seperti mana ditetapkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Minum Petang bersama Media dan Karyawan bagi meraikan Pameran Koleksi 25 Tahun di Galeri Shah Alam (GSA).

Zahabuddin berkata, istilah terbabit diterjemahkan secara terus daripada perkataan bahasa Inggeris (artist) lebih sesuai untuk golongan penghibur seperti pelakon dan penyanyi yang digunakan masa kini.

"Saya melihat perkataan artis ini secara umumnya orang

menggambarkan sebagai penghibur," katanya menyentuh perihal biodata diri (CV) se-setengah pelukis digelar artis.

Katanya, kekeliruan sering berlaku apabila pelukis dicadangkan untuk memenangi anugerah digambarkan sebagai artis dengan pertanyaan 'Apa filem atau drama dilakonkan?'

Sementara itu, Penolong Kurator GSA, Iszuan Ismail berkata, galeri bermula pada 1991 itu menyambut ulang tahun ke 25 pada tahun ini.

"Sempena sambutan ini satu pameran karya Koleksi 25 Tahun Galeri Shah Alam 1991 hingga 2016 diadakan.

"Ia menghimpunkan lebih 40 karya seni dihasilkan pelukis seperti Haron Mokhtar, Yusof Ismail, Ismail Baba, Abdul Rasid Yusof dan Juhari Said," katanya.

## JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah diperlawa daripada Kontraktor-kontraktor Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buata masa ini bagi kerja berikut-							
Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/ Jenis Syarikat	Gred, Kategori, Pengkhususan/ Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kapela & Sub Kapela	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup	
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN TEMPAT LETAK KERETA DI PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA (RATU II) FASA 2, SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN	Bumi-putera T1	CIDB, SPKK, PKK & UPEN Gred : G7/G6/G5 Kategori : ME Pengkhususan: E02,E04,E11 dan E32	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor 29/02/2016 (Ismin) Sehingga 14/03/2016 (Ismin)	RM300.00 (Draf Bank/Kiriman Wang/Wang Pos) (bayaran ini tidak akan dikembalikan) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 21/03/2016 (Ismin) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.	

Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor. No. Tel: 03-55447730/36

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya PENAMA yang tercatat di dalam sijil PKK,SPKK,PUKONSA atau UPKJ sahaja yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sajalah. Untuk maklumat ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputra yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (Jika Berkenaan) berserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan sijil ASAL Perakuan Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputra (jika berkenaan)

T1 - Syarikat 100% ekuiti Bumiputra milik tempatan (Warganegara)

\*Jenis Syarikat Tempatan:  
AI - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengaruh, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.

A2 - Syarikat Usahamasa yang diperbadankan di Malaysia dan equiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengaruh, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

## Peniaga merungut pasar daif

# MBSA digesa percepat bina pasar baru Sri Muda

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) digesa mempercepatkan pembinaan pasar baru di Sri Muda yang tertangguh sebelum ini.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Sri Muda, Shuhaimi Shafiee, berkata peniaga di pasar lama merungut ekoran pembinaan pasar baru seperti dijanjikan pada 2013 masih belum siap.

"Peniaga mula merungut kerana tidak selesa keadaan pasar yang daif. Pasar ini beroperasi lebih 25 tahun, namun terpaksa

berniaga di pasar itu menunggu pasar baru siap.

"Saya memahami keadaan penjaja ini. Kita tidak tahu apa masalah sebenarnya dari MBSA dalam menyilapkan pembinaan pasar baru ini, saya akan meminta Ahli Majlis Kawasan terbabit dapatkan penjelasan sebenarnya daripada MBSA," katanya kepada SelangorKini.

Shuhaimi berkata, MBSA juga perlu membuat tapisan peniaga di pasar baru itu nanti bagi mengelakkan peniaga menyewakan premis mereka kepada warga asing.

"Peniaga sedia ada ketika ini kebanyakannya bertindak secara Ali Baba, menyewakan kepada warga asing. Mereka ini perlu dikenalpasti dan diambil tindakan tegas.

"Selagi pasar baru tidak siap, pelarasan peniaga tidak dapat diselesaikan. Jika kita lakukan sekarang pastinya timbul pelbagai isu," katanya.

Sebelum ini, seramai 110 para peniaga asal di Pasar Pagi Sri Muda dijangka dapat menjalankan perniagaan mereka dalam keadaan lebih selesa dan teratur apabila MBSA menyediakan loka-

si baru yang lengkap dengan pelbagai prasarana dan kemudahan menjelang 2016.

Bagaimanapun, pembinaan pasar baru yang dianggarkan menelan kos RM22 juta itu mengalami kelewatan.

Pasar baru enam tingkat itu dibina dengan berkonsepkan 'hypermarket' bersebelahan tapak pasar sedia ada.

Berkeluasan dua ekar, pasar itu membabitkan 67 lot pasar basah, 72 lot pasar kering, 28 gerai makanan dan lapan buah kiosk. Terdapat tempat pelupusan sampah, surau, tandas, bilik air dan



Shuhaimi Shafiee

pejabat pengurusan.

MBSA juga akan membina kemudahan 200 petak tempat letak kereta dan 112 tempat letak motosikal.

## Garis panduan perniagaan babit warga asing dikaji

**KLANG** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) sedang mengkaji garis panduan baru berkenaan aktiviti perniagaan membabitkan warga asing.

Yang Dipertua Dato' MPK, Datuk Mohd Yasid Bidin, berkata ia merangkumi permohonan lesen pekerja warga asing.

"Ketika ini kita berdepan dengan masalah peniaga konnaunya menggaji pekerja asing sedangkan kita mendapat laporan penyewaan premis perniagaan mereka kepada warga asing.

"Bagaimanapun, tindakan tidak dapat diambil ekoran tidak mempunyai bukti kukuh," katanya.



Mohd Yasid

Majlis Sambutan Tahun Baru Cina di Dewan Hamzah, 19 Februari lalu.

Yasid berkata, cadangan itu

dibawa ke mesyuarat bulanan untuk diputuskan.

"Jika ia dilaksanakan, tindakan tegas diambil termasuk menarik semula lesen peniaga," katanya.

Sementara itu, kira-kira 69 warga asing diperiksa dalam operasi membabitkan peniaga asing di Pasar Besar Meru, baru-baru ini.

Yasid berkata, daripada jumlah itu seramai 19 ditahan kerana tidak mempunyai dokumen perjalanan sah.

"Operasi dijalankan jam 4 pagi dan berakhir jam 8 pagi. MPK bersama Jabatan Imigresen membuat serbuan itu," katanya.

**SHAH ALAM** - Sebanyak 282,399 iklan haram diturunkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bermula Januari 2015 lalu dalam usaha membanteras kegiatan itu.

Pegawai Komunikasi Korporat, Shahrin Ahmad, berkata MBSA memandang serius permasalahan itu ekoran tampilan iklan boleh merosakkan pemandangan di samping menyukarkan pengguna jalan raya.

"Iklan itu mengelirukan orang ramai kerana menutup arahan di papan tanda arah jalan."

"Tempat yang sering menjadi tumpuan bagi penampakan iklan haram adalah di tanda arah jalan, tiang lampu jalan, dan juga pokok," katanya dalam kenyataan.

Shahrin berkata, bagi menangani masalah itu MBSA mengadakan operasi menurunkan iklan haram secara berkala dan lebih kerap.

"Ia melibatkan anggota penguatkuasa di beberapa cawangan antaranya di Kota Kemuning, Sungai Buloh dan Setia Alam.

"Antara perkhirian iklan tanpa kebenaran ini adalah berkenaan wang, sewa lori, pusat tuisyen, lelong rumah, perubatan tradisional dan sebagainya."

katanya.

Pemasangan iklan tanpa kebenaran adalah kesalahan di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil Iklan (MBSA) 2007.

Sehubungan itu, MBSA memberi amaran keras kepada orang ramai yang ingin memasang iklan termasuk kain rentang, poster, 'street bunting' atau billboard untuk mendapatkan kebenaran terlebih dahulu.



Unit kedai Bazar Sungai Buloh kini terbuka untuk disewa

## Tawaran sewa bangunan dan unit kedai dibuka

**KUALA SELANGOR** - Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) membuka tawaran sewaan satu unit kedai di Bazar Sungai Buloh dan keseluruhan tingkat atas Hentian Bas dan Teksi, Bandar Melawati.

Setiausaha MDKS, Azahari Sairin, berkata penyewaan bermuat perlu menyediakan cadangan pengurusan dengan format tersendiri.

Katanya, mereka juga perlu menitikberatkan penjagaan pembersihan dan langkah penyelenggaraan serta konsep bersesuaian.

Kertas kerja perlu dihantar

sebelum atau pada 17 Mac depan.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi di Jabatan Penilaian

dan Pengurusan Harta, MDKS di talian 03-32891439 sambungan 165/219/172 atau di laman sesawang rasmi MDKS, [www.mdks.gov.my](http://www.mdks.gov.my).



74 projek siap, 5 sedang dilaksana

# MDKL peruntuk RM16.1 juta perkasa infrastruktur

**BANTING** - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) berjaya menyiapkan 74 projek dengan lima buah projek lagi masih dalam pelaksanaan melalui peruntukan sebanyak RM16.1 juta.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali, berkata pada 2014 MDKL diperuntukan RM34.2 juta bagi melaksanakan 118 projek dan kesemua projek berjaya disiapkan. Katanya, daripada 79 projek,

sebanyak 49 projek di bawah peruntukan Ahli Dewan Negeiri (ADN) dan bakinya di bawah peruntukan panjang jalan membabitkan 69.48 kilometer (KM) manakala longkang diselenggara sepanjang 1.06KM.

Mohd Azhar berkata, kesemua projek dirancang itu perlu dilaksanakan memandangkan rakyat dan pembayar cukai perlu menikmati kemudahan infrastruktur baik.

"Ia perlu bagi memastikan penduduk di daerah ini dapat menikmati persekitaran dan kehidupan berkualiti," katanya.

MDKL turut berbelanja tinggi bagi kerja penyelenggaraan pokok bagi menampilkan landskap indah dan teratur.

"Pokok ini perlu diselenggara sebaik mungkin bagi memastikan tahap kesihatannya berada dalam keadaan baik," katanya.



Penguatkuasa MDKL giat membersihkan sampah haram

## Masalah sampah haram diatasi

**BANTING** - Sikap segelintir masyarakat tidak bertanggungjawab mengabaikan kebersihan dikesali ekoran tindakan mereka mengundang pencemaran kualiti alam sekitar.

Pegawai Persekutuan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Norain Mohamed, berkata MDKL berusaha memastikan isu sampah haram dapat dibendung.

"Operasi bersepada pembersihan sampah haram dijalankan MDKL bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pejabat Daerah Tanah Kuala Langat (PDTKL) bagi membersihkan sampah haram di bawah jambatan Banting.

"Sikap dan perbuatan mereka perlu dianteras dan dikenakan hukuman berat bagi memastikan persekitaran dan kualiti alam sekitar terpelihara," katanya.

Seramai 47 kakitangan dan pegawai daripada MDKL, PDTKL dan juga JKR Kuala Langat terlibat dalam operasi terbabit bagi menjalankan kerja pembersihan

sampah haram melibatkan enam lori dan dua jengkaut dari MDKL dan JKR.

Katanya, kerjasama erat antara jabatan kerajaan dan swasta diperlukan bagi memastikan kebersihan dan kelestarian tempat dikecapi penduduk.

Penolong Pegawai Penguatkuasa MDKL, Zulhilmi Senawi, berkata bagi Januari hingga Februari 2016, sebanyak 10 tangkapan dibuat dengan lapan kes adalah notis kesalahan dan dua sitaan dikenakan terhadap mereka yang membuang sampah haram.

Dua lori disisa Penguatkuasa MDKL pada 6 Januari lalu di Jalan Kampung Lombok, Bandar Saujana Putra dan sebuah lagi pada 1 Februari lalu di bahu Jalan Perepat, Telok Panglima Garang.

Kesemua tangkapan dan sitaan ini dikenakan di bawah UUK 4 / Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap MDKL 2007.

## MPAJ sedia kaunter bergerak sepanjang Februari

**SHAH ALAM** - Warga Ampang Jaya kini berpeluang membuat semakan dan bayaran cukai tak-siran menerusi kaunter bergerak disediakan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad, berkata MPAJ menyediakan kaunter bergerak di pasar pagi dan pasaraya sepanjang bulan Februari ini.


"Orang ramai dinasihatkan menjelaskan cukai sebelum 29 Februari."

"Antara lokasi kaunter bergerak yang terpilih bagi pasaraya adalah di pusat beli belah Ampang Point dan Pasaraya Aeon Big Ampang bermula jam 6.00 petang hingga 9.00 malam. Manakala pada hari

Sabtu dan Ahad bermula 12.00 tengah hari hingga 9.00 malam," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, katanya, lokasi kaunter bergerak bagi pasar pagi adalah di Chanselor I Kondominium Taman Kosas pada 20 Februari, Taman Ukay Perdana pada 21 Februari, Taman Bukit Antarabangsa pada 27 Februari dan Glenview Kondo Pinggiran Cheras pada 28 Februari.

Kaunter akan beroperasi seawal jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari. Sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Jabatan Perbendaharaan di talian 03-42968004.



## RM400,000 naik taraf kemudahan galak pelancong ke Morib

**SHAH ALAM** - Sebanyak RM400,000 diperuntukkan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) bagi meningkat taraf Dataran Banting untuk menarik pelancong dari dalam dan luar negara.

Yang Dipertua, Mohd Azhar Mohamed Ali, berkata ia bakal dilengkapi kemudahan sukan 'wall climbing' di mana projek itu akan bermula pada April dan dijangka siap Julai 2016.

"MDKL juga menjalankan kerja menyelenggara taman permainan di Pantai Morib dengan belanja RM40,000 yang siap sepenuhnya pada Januari lalu.

"Sementara itu bagi mengindahkan dan menerangi lagi kawasan Pantai Morib, MDKL membelanjakan lebih daripada

RM180,000 untuk kerja memasang tree light, lampu LED, lampu pesisir pantai dan lampu limpah," katanya dalam kenyataan.

Katanya, tahun ini MDKL bakal menganjurkan beberapa acara menarik seperti Bukit Jugra Trail Run 2016, MDKL Echo Challenge, Jugra International Paragliding Accuracy Championship 2016 dan juga Retromania Grand Gathering 2016.

"Retromania Grand Gathering 2016 adalah acara menghimpunkan peminat motosikal retro atau berjenama keluaran tahun lama seluruh Malaysia.

"Program ini berjaya menghimpuunkan 10,000 peminat motosikal retro dari seluruh dalam dan luar negara," katanya.

**Bagi mengindahkan dan menerangi lagi kawasan Pantai Morib, MDKL membelanjakan lebih daripada RM180,000 untuk kerja memasang 'tree light,' lampu LED, lampu pesisir pantai dan lampu limpah**

**MOHD AZHAR**  
Yang Dipertua MDKL



SEMUA DIJEMPUT  
HADIR

# KARNIVAL Kampungku Kesayanganku

"Smart Selangor, Maju Sejahtera"

SABAK BERNAM

26-27 FEBRUARI 2016 MASJID IJTIMAI'E KG. TEBUK PULAI

KELILING KAMPUNG  
BERSAMA YB EXCO

**PERTANDINGAN** sukaneka

- mewarna • seni khat • gubahan sirih junjung
- masakan tradisional • kuih tradisional

**AKTIVITI** meneroka angkasa

- meranah tradisional

MAJLIS PERASMIAN dan FORUM PERDANA

Tahnik dan SEMBANG SANTAI

KLINIK "Wuduk Sempurna, Jimat Air"

KuRSuS pasca perkahwinan

**CERAI** Pameran dan Jualan

ATURCARA PROGRAM Hari 1

MASA	TEMPAT	ACARA
9.00 pagi	Pej. Derauh/Tanah	Himpunan Masjid Syuriyah
10.00 pagi	- Pentas Utama - Tapak Jualan - Tapak Pameran - Tapak Pertandingan - Dewan Masjid	Persiaran Karnival
12.00 tengah hari	Masjid Tapak Pameran/Jualan	Tazkirah (Multi) & Khutbah Jumat (PAM) Sesi Soal Jawab (Dialog) Pameran & Jualan
3.00 petang	Persekutuan Kampung	Lawatan Turun Padang YB EXCO bersama K. Kg B Nazir Masjid - Ruang Legar Masjid - SRA
4.15 petang	Masjid	Solat Berjemaah
5.30 petang	Pentas Utama	Pengsyampahan Hadiah
7.00 malam	Masjid	Solat Berjemaah/ Kuliah/ Zikir
7.30 malam	Tempat Makan VIP	Makan Malam
9.00 malam	Pentas Utama	- Majlis Perasmian - Forum Perdana Moderator : Ustaz Hafizuddin bin Kadir Panel 1 : Dc Anhar bin Opir   Panel 2 : PU Hafiz
11.00 malam	Perkarangan Masjid	Hentera Angklasa



Anjuran: Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam,  
Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa & Kampung Tradisi

ATURCARA PROGRAM Hari 2

MASA	TEMPAT	ACARA
6.15 pagi	Masjid	Kalah Subuh
7.00 pagi	Pentas Utama	Kajuhan Kampungku Kesayanganku bersama YB EXCO & Zarah Masarakat
	Laluan Kajuhan	Perasmian Papan Tanda 3K
	Rumah penduduk kampung	Pemberian sumbangan YB EXCO/ Zakat/ Penggerakan Kunci (Rumah Asnaf)
	Persekutuan Kampung	Tanam Paku/ Memancing ikan
	Sonok/ Tanah Perkuburan	Penetapan arah kiblat
9.00 pagi	Perkarangan Masjid	Klinik "Wuduk Sempurna, Jimat Air"
10.00 pagi	Masjid Khemah	Kursus Pasca Perkahwinan Tukar Minyak Hitam Motorsikal Percuma Gunting Rambut (L) Percuma Gunting Rambut (P) Percuma Rawatan Muka (F) Percuma
	Kelas SRA	Gendur Raicah Makan Tengahari
	Perkarangan Masjid (Khemah)	
1.00 petang	Masjid	Solat Berjemaah/ Kuliah/ Zikir
2.00 petang	Ruang Legar Masjid	Perlindungan Gabahan Sirih (Di ikutasi) Pertandingan Masakan Tradisional (Bawa dari rumah)
	Premis Usahawan Desa	Lawatan Produk Usahawan Desa
3.00 petang	Padang	Sukaneka
5.00 petang	Pentas Utama	Pengsyampahan Hadiah - Sukaneka - Gubahan Sirih - Masakan Tradisional - Banian Zakat Demonstrasi Meranah Tradisional
	Padang	
7.00 malam	Masjid	Solat Berjemaah
7.30 malam	Ruang Masjid	Tahnik Perdana
9.00 malam	Pentas Utama	Sembang Santai Moderator: Ustaz Farhan Haddin Panel 1 : Ust Shahalfiran Sabarudin Panel 2 : Caetiona Ross (pelakon) Pensuzik iringan : Syamsul (Gitaris)

Pelantikan bawah kuasa DYMM Sultan Selangor

# Tiada halangan wanita jadi Hakim Syarie

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Selangor tidak menghalang wanita daripada dilantik sebagai Hakim Syarie seperti didakwa sesetengah pihak.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Setia Mohamad Adzib Mohd Isa, berkata fatwa dikeluarkan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada 26 dan 27 Jun 2006, hanya menentukan had dan ruang tertentu menyebabkan wanita tidak harus dilantik sebagai Hakim Syarie dalam kes berkaitan hukum hudud dan qisas.

"Keputusan fatwa ini sama sekali tidak beranggah dengan keputusan Muza-

karah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 73.

"Ini bermakna hakim wanita boleh dilantik dalam kes selain berkenaan hukum jerayah seperti mal, keluarga dan penentuan ahli waris faraidh," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkenaan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan terhadap jawatan Hakim Mahkamah Syariah.

Terdahulu, Shahrizat mendakwa keputusan tidak konsisten dibuat Mahlis Fatwa Negeri dengan keputusan Majlis Fatwa

Kebangsaan menghalang wanita daripada menjadi Hakim Syarie.

Shahrizat turut menamakan Selangor sebagai salah satu daripada sembilan negeri yang mempunyai keputusan fatwa seperti dinyatakan.

Adzib berkata pelantikan Hakim Syarie bagi Mahkamah Syariah Selangor adalah kuasa DYMM Sultan Selangor dan prosedur pelantikan diperuntukkan dengan jelas dalam bahagian IV Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003.

"MAIS menggesa kepada mana-mana pihak supaya tidak membuat sebarang kenyataan yang boleh menimbulkan kontroversi dengan memberi gambaran tidak tepat," katanya.



WAKTU SOLAT SELANGOR  
19 - 26 FEBRUARI 2016  
10 - 17 JAMADILAWAL 1437H

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syur'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
19 Jumaat	6.00	6:10	7.26	13.0	4:48	7:29	8:39
20 Sabtu	6.00	6:10	7.25	13.0	4:48	7:29	8:39
21 Ahad	6.00	6:10	7.25	13.0	4:47	7:29	8:39
22 Isnin	6.00	6:10	7.25	13.0	4:47	7:29	8:39
23 Selasa	6.00	6:10	7.25	12.9	4:47	7:29	8:39
24 Rabu	6.00	6:10	7.25	12.9	4:46	7:29	8:39
25 Khamis	5.59	6:09	7.24	12.9	4:46	7:29	8:39
26 Jumaat	5.59	6:09	7.24	12.9	4:45	7:29	8:39

Sekali Berlaku, Kuala Selangor, Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syur'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
19 Jumaat	6.02	6:12	7:30	13.2	4:50	7:31	8:41
20 Sabtu	6.02	6:12	7:29	13.2	4:50	7:31	8:41
21 Ahad	6.02	6:12	7:29	13.2	4:49	7:31	8:41
22 Isnin	6.02	6:12	7:29	13.2	4:49	7:31	8:41
23 Selasa	6.02	6:12	7:29	13.1	4:49	7:31	8:41
24 Rabu	6.02	6:12	7:28	13.1	4:48	7:31	8:41
25 Khamis	6.01	6:11	7:28	13.1	4:48	7:31	8:41
26 Jumaat	6.01	6:11	7:28	13.1	4:47	7:31	8:41

## Selangor cemerlang di Pertandingan Menghafaz Al-Quran ke-37

**SHAH ALAM** - Menghafaz lima juzuk al-Quran sehari adalah antara resepi kejayaan Fatihah Zulkifli merangkul gelaran Johan Hafizah bagi kategori satu hingga 30 juzuk pada Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan kali ke-37 di sini.

Farihah, 21, yang kini menuntut di Darul Quran, Kuala Kubu Baru, berkata doa ibu bapa juga pendorong kejayaannya.

"Selain itu, saya turut menjaga aspek pemakanan termasuk mengambil makanan sunnah," katanya dipejatik BERNAMA.

Sementara itu, Johan Hafiz bagi kategori sama dari Selangor, Mohamad Omar Mansu, 21, berkata tenteram semasa di atas pentas selain mendengar dengan teliti soalan yang diajukan para juri adalah penting untuk memastikan bacaan lancar.

Pelajar Kolej Universiti Insaniah (KUIN) Kuala Ketil, Kedah yang bercita-cita menjadi pensyarah itu mendekisi kemenangan kepada ibu bapa selain para ustaz yang pernah mendidiknya membaca Al-Quran.

Mohamad Omar dan Farinah masing-masing menerima paket menuaikan haji, wang tunai RM10,000, piala iringan, cenderama dan sijil penyertaan selain bakal mewakili Malaysia pada Majlis Menghafaz al-Quran peringkat Kebangsaan kali ke-37 di sini.

Sementara itu, Johan Hafiz bagi kategori satu hingga 20 juzuk milik Syazri Muhammad Husni Mohd Shahroni dari Selangor yang juga muncul peserta terbaik, manakala Johan Hafizah bagi kategori sama diraih wakil Kelantan, Putri Amnah Mohd Hanif.

Kedua mereka membawa pulang pakej umrah, wang tunai RM6,000, piala iringan, cenderama serta sijil penyertaan.

Bagi kategori satu hingga 10 juzuk pula, juara hafiz milik Ahmad Aidil Luqman Nor Ismail, sementara Fakhira Izzah Fahmi muncul Johan Hafizah. Wakil Selangor itu membawa pulang hadiah wang tunai RM4,000, piala iringan, cenderama serta sijil penyertaan.

Mohamad Omar dan Farinah masing-masing menerima paket menuaikan haji, wang tunai RM10,000, piala iringan, cenderama dan sijil penyertaan selain bakal mewakili Malaysia pada Majlis Menghafaz al-Quran peringkat Kebangsaan kali ke-37 di sini.

Farihah, 21, yang kini menuntut di Darul Quran, Kuala Kubu Baru, berkata doa ibu bapa juga pendorong kejayaannya.

"Selain itu, saya turut menjaga aspek pemakanan termasuk mengambil makanan sunnah," katanya dipejatik BERNAMA.

Sementara itu, Johan Hafiz bagi kategori sama dari Selangor, Mohamad Omar Mansu, 21, berkata tenteram semasa di atas pentas selain mendengar dengan teliti soalan yang diajukan para juri adalah penting untuk memastikan bacaan lancar.

Pelajar Kolej Universiti Insaniah (KUIN) Kuala Ketil, Kedah yang bercita-cita menjadi pensyarah itu mendekisi kemenangan kepada ibu bapa selain para ustaz yang pernah mendidiknya membaca Al-Quran.

### KEJAYAAN SELANGOR dalam Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-37

Mohamad Omar bin Mansu JOHAN

Kategori 1-30 Juzuk (Hafiz)

Syazri Muhammad Husni bin Mohd Sharoni (JOHAN)

Kategori 1-20 Juzuk (Hafiz)

Ahmad Aidil Luqman bin Nor Ismail (JOHAN)

Kategori 1-10 Juzuk (Hafiz)

Fakhira Izzah binti Fahmi (JOHAN)

Kategori 1-10 Juzuk (Hafizah)

AINUL MARDHIAH binti Md Pakhrurrazi (NAIB JOHAN)

Kategori 1-30 Juzuk (Hafizah)

### LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIP/CIDB) dan Kerajaan Negeri Selangor dalam gred, kategori dan penghusus yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Tempat Taklimat Tender	Pembelian Dokumen
<b>TENDER BAGI KERJA-KERJA MEREKA BENTUK, MEMBINA DAN MENYIAPKAN SISTEM RETIKULASI AIR DI BAWAH SKIM CERIA BAGI PANGSAPURI DAHLIA, TAMAN PUTRA PERDANA, SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN.</b>	Berdaftar dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Gred: G3 Kategori: CE Pengkhususan: CE2USUAN SPAN Permit IPA : Jenis A1 atau A2 Taraf : Bumiputera Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	<b>RM 190.00 (Tidak Akan Dikembalikan)</b> Bayaran dalam bentuk Draf Bank/Kiriman Wang atas nama- Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	<b>Isnin 07 Mac 2016</b> Jam 11.00 pagi Pejabat Pihak Badan Pengurusan Bangunan Strata, Pangaspuri Dahlia. (JMB) (Taklimat Tender adalah WAJIB)	<b>07 Mac 2016 sehingga 18 Mac 2016</b> Waktu Pejabat:- (8.00 pagi-12.45 tengahari dan 2.00 petang-3.45 petang) Kecuali Jumaat (8.00 pagi-12.00 tengahari dan 2.45 petang-3.45 petang)
No Tender: LPHS/T/K/16/02 No. Fail: LPHS/PBGN/SP/02/09/03/03/16				

Dokumen Meja Tender boleh disemak bermula pada 01 Mac 2016 (Selasa) pada waktu pejabat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada penama yang dinamakan/wakil yang sah sahaja yang telah menghadiri taklimat. Untuk maksud ini, pemilik / wakil-wakil syarikat DIWAJIBKAN membawa surat pengesahan sebagai wakil syarikat bersama dokumen asal Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Sijil Taraf Bumiputera dan salinan Pengesahan Pendaftaran dengan UPEN Selangor serta salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen tender. Sila bawa bersama Cop Syarikat.

Dokumen Tender yang telah lengkap diisahkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakir dan bertanda dengan tajuk kerja dan nombor tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari 21 Mac 2016 (Isnin), kepada:-

#### PENGARAH EKSEKUTIF

Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor  
Tingkat 5, Podium Utara,  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
No Tel: 03-5544 7906, No Faks: 03-5510 4137

Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Kenyataan tender ini juga boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor seperti berikut: <http://lphs.selangor.gov.my>

## Anugerah tender balak

# MB dan Exco tidak terlibat

OLEH AFEEQA AFEERA

**SHAH ALAM** - Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) menegaskan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dan Exco negeri tidak terlibat dalam proses pemberian tender balak membabitkan dua projek jajaran talian penghantar elektrik.

Pengarahnya, Dr Mohd Puat Dahalan, berkata ia merujuk kepada kepada jajaran dari Mahkota Cheras ke Mahkota Cheras Hartamas dan dari Bukit Terek ke Chubadak yang dipertikaikan sebelum ini.

"JPNS ingin mengulangi komitmen jabatan untuk menjamin proses terbuka dan telus

dalam mengamalkan sistem pengurusan hutan secara berkekalan selaras dasar Kerajaan Negeri berteraskan kebertanggungjawaban, ketelusan dan keterbukaan," katanya dalam kenyataan pada 23 Februari.

Katanya, penilai permohonan untuk mengeluarkan hasil tanah dikenali sebagai Jawatankuasa Pengurusan Perhutanan Negeri Selangor melantik dua kontraktor bagi mengeluarkan hasil tanah kawasan terlibat.

Katanya, jawatankuasa turut berpuas hati terhadap kerja kontraktor terbabit yang diberikan lesen selama enam bulan bagi melakukan kerja mengeluarkan hasil dari tanah

berkenaan.

"Keadaan mutu kerja juga sangat memuaskan serta memahui segala syarat ditetapkan tanpa sebarang pelanggaran terhadap mana-mana syarat lesen dikeluarkan," katanya.

Sebelum ini, Pengurus Solidariti Anak Muda Malaysia (Samm), Badril Hisham Sharin mendakwa kerajaan Selangor tidak telus dan menganugerahkan tender pembalakan secara terus kepada dua syarikat.

Dakwaan itu bagaimanapun dinafikan Mohamed Azmin yang menganggapnya tuduhan tidak berdasas.

**JPNS ingin mengulangi komitmen jabatan untuk menjamin proses terbuka dan telus dalam mengamalkan sistem pengurusan hutan secara berkekalan selaras dasar Kerajaan Negeri berteraskan kebertanggungjawaban, ketelusan dan keterbukaan.**

**MOHD PUAT**  
Pengarah JPNS

## 'Save Our Rainforest Race' kembali lagi

**SHAH ALAM** - 'Save Our Rainforest Race' (SORR) kembali lagi tahun ini dengan tema 'Pokok Adalah Masa Depan Kita'.

Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (PEKA), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil, berkata program itu akan diadakan di Hutan Simpan Sungai Menyala, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 26 Mac ini.

Katanya, penyertaan selebriti sebagai 'Sababat SORR' dijangka mampu menarik sehingga 2,000 peserta.

"Kita mahu mewujudkan kesedaran berkenaan kepentingan menjaga hutan hujan tropika untuk generasi kini dan masa hadapan," katanya dalam sidang media, pada 17 Februari lalu.

SORR mula dianjurkan pada 2013 memerlukan peserta secara

berpasangan berlumba sejauh 16 kilometer (KM) untuk menanam pokok di kawasan ditetapkan Jabatan Perhutanan.

Mereka yang berminal boleh mendaftar melalui Facebook di [www.facebook.com/pekalaysia](http://www.facebook.com/pekalaysia) atau laman sesawang rasmi PEKA di [www.pekalaysia.org](http://www.pekalaysia.org).

Setiap peserta dikenakan yuran penyertaan RM80 seorang (RM160 per kumpulan) dan menerima pek perlumbaan meliputi set anak pokok, sarapan pagi, makan tengah hari, t-shirt rasmi dan cenderahati SORR 2016.

Untuk sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi ahli jawatankuasa SORR 2016, Susee di talian (016 2010 2014), Arizal Rahman (011 1224 9782) atau Izwan (017 932 1899).

## Kembalikan GP Selangor

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri dicadang menghidupkan kembali pertandingan memancing Grand Prix (GP) Selangor yang pernah diadakan beberapa tahun lalu demi manfaat pelbagai pihak selain usaha mempopularkan aktiviti memancing dalam kalangan rakyat.

Pengurus Wakjali Event Management, Mat Zali Kasran yakin acara seumpama itu mampu memacu sektor pelancongan, perhotelan dan sosio ekonomi setempat dengan kedatangan ribuan peserta dari dalam dan luar negeri.

"Lihat sahaja Cabaran Pantai Remis pada 14 Februari lalu, lebih 1,000 peserta dari Selangor dan seluruh negara termasuk 30 penyertaan dari Singapura selain Brunei," kata-

nya kepada SelangorKini.

Katanya, GP Selangor terdahulu menyenaraikan sembilan pertandingan di semua daerah berjaya menarik penyertaan lebih 14,000 peserta.

"Acara itu sekiranya mendapat kerjasama Kerajaan Negeri dan dimasukkan dalam kalender pelancongan akan mendapat sambutan daripada orang ramai khususnya peserta."

"Dengan penganjuran acara ini ia dapat meningkatkan imej Selangor dan mungkin menjadi ikutan negeri lain," kata-

**Festival Nasyid**  
Peringkat Negeri Selangor 2016M | 1437H

Tarikh: 19 Mac 2016 | Masa: 8.00am - 1.00pm | Tempat: SACC Mall, Shah Alam

JENIS LAGU  
Moden @ Tradisional

Dapatkan barang penyertaan & syarat-syarat di semua pejabat agama Islam daerah dan laman web [www.jais.gov.my](http://www.jais.gov.my)

Untuk keterangan lanjut sila hubungi urusetia festival Nasyid negeri Selangor di talian 03 - 5514 3505 / 3579. WhatsApp : 017338297.

Bukaan surat penyertaan  
26 Feb 2016 (Jumaat)

**SYARAT - SYARAT PENYERTAAN**

- Berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih 40 tahun
- Setiap kumpulan hendaklah terdiri daripada 6 orang ahli
- Tidak dibenarkan percampuran ahli lelaki dan perempuan dalam satu kumpulan

JOHAN RM3000  
NAIB JOHAN RM2000  
KETIGA RM1000

Cub Prix AAM Petronas 2016

# Siap sedia gegar Litar Maeps

OLEH HAFIZAN TAIB

**SHAH ALAM** - Siri Kejuaraan Cub Prix AAM Petronas kembali dengan Selangor dipilih sebagai tuan rumah pembuka tirai musim ini bertempat di Litar Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (Maeps), Serdang, pada 12 dan 13 Mac.

Selangor pastinya mendapat tumpuan sekali lagi selepas kejayaan penganjuran tahun lalu dan litar Maeps adalah litar sementara ketiga di negeri ini yang menjadi tuan rumah sepanjang 23 musim Kejuaraan Cub Prix berlangsung, selain Banting dan Sungai Buloh.

Penganjurannya menjadi medan terbaik bagi melahirkan pelumba baharu berbakat besar dalam usaha memajukan sukan permotoran negara.

Litar sepanjang 1.11 kilometer mempunyai 10 selekoh dengan laluan lurus terpanjang sejauh 335 meter (m) dan laluan pecut ke garisan penamat sepanjang 237 m menjanjikan aksi terbaik daripada pelumba.

Ketua Operasi Cub Prix, Shafry Azizan, berkata kebanyakan litar Cub Prix dilangsungkan di litar sementara dan semua petugas operasi teruja dengan venue Maeps.

"Litar ini sedikit berbeza dengan kebanyakan litar lain kerana mempunyai selekoh banyak di mana jika kedudukan pelumba rapat selepas keluar dari Selekok 10, kelebihan mungkin akan memihak kepada pelumba yang pandai 'curi angin' (*slipstream*).

"Malah laluan lurus panjang juga sangat mencabar kerana pelumba akan melalui laluan berbukit yang pasti memerlukan kelebihan dari segi kuasa jentera di samping sistem sasensi bagus memainkan peranan penting di litar ini," katanya.



Beliau berkata, walaupun penekanan banyak diberikan kepada laluan lurus di garisan penamat, namun beberapa selekoh mencabar turut menanti pelumba di bahagian belakang litar.

"Dari selekoh tiga hingga lapan adalah bahagian penting dan kritis dalam perlumba ini di mana kebanyakan pasukan pasti menyedarinya dalam menentukan kalah dan menang dengan melepassi selekoh 'S' yang sempit dan ia akan benar-benar menguji kemahiran pelumba.

"Selepas selekoh 'chicane' ini, mereka kemudian akan melepassi dua selekoh pantas dan memerlukan kelajuan serta tunggangan baik ditambah kelebaran litar juga cukup untuk pelumba mencari ruang memintas serta pada masa sama perlu cekap menutup ruang daripada dipintas," katanya.

Selain perlumbaan, pelbagai aktiviti menarik juga diadakan untuk tarikan pengunjung seperti pameran dan

jualan barang berkaitan motosikal serta aktiviti jualan "Kar-nival Harga Patut" yang menyediakan jualan barang harian.

Tidak ketinggalan, ruangan "Kids Zone" yang menampilkan pelbagai watak animasi popular seperti Chichi Chacha, Dunia Eikak dan Awang Kenit.

Pusingan pembukaan musim ini di Maeps pastinya menjanjikan kemeriahannya seperti musim sebelumnya. Jangan ketinggalan untuk turut bersama. Masuk adalah percuma.



## Bakat lebih terserlah jika ada penaja

**SHAH ALAM** - Pelumba OA Racing Team, Azrul Affendi Hadi diyakini mampu melangkah jauh dalam perlumbaan seandainya potensi besar anak muda dari keluarga Orang Asal ini mendapat perhatian tajaan dan penyertaan dalam pasauan kukuh.

Jurulatihnya, Mohd Redzuan Ahmad, berkata sikap Azrul yang berprinsip dan berdisiplin tinggi, menjadi tugas mudah bagi beliau melentur dan memberi tunjuk ajar kepada anak muda itu.

"Azrul pelumba berpotensi dan dia membuktikan dalam tempoh dua tahun dibimbing sudah mampu muncul juara keseluruhan kategori Pro Am tahun lalu.

"Tanpa disiplin pelumba berbakat sekali pun tidak akan boleh berjaya," katanya mesra disapa Pak Wan.

Katanya, ketiadaan penaja hanya akan membantu dan mensiasati bakat Azrul untuk pergi lebih jauh.

"Tanpa modal besar pun Azrul mampu mencapai kejayaan maka dengan sokongan moral dan kewangan mantap, saya rasa beliau pasti lebih mampu mencipta kecemerlangan dalam perlumbaan."

"Saya harap perkara ini mendapat perhatian Kerajaan Negeri dan pihak korporat yang berminat untuk menaja," katanya.

Redzuan berkata, pihaknya akan terus membimbang Azrul bagi mengha-

**Tanpa modal besar pun Azrul mampu mencapai kejayaan maka dengan sokongan moral dan kewangan mantap, saya rasa beliau pasti lebih mampu mencipta kecemerlangan dalam perlumbaan**

**MOHD REDZUAN**  
Jurulatih

dapi perlumbaan dalam kategori CP115 musim ini dan menyasarkan kedudukan lima terbaik.

Katanya, keyakinannya kepada Azrul tinggi dalam perkara itu dan tidak menjadikan sebarang kekurangan dimiliki sebagai penghalang dengan beraksi cemerlang di litar lumba.

"Walaupun dalam tahun pertama kategori ini, tetapi peluangnya tetap ada, dengan bakat dan keupayaannya saya rasa dia mampu untuk menyerlah," katanya.



**CubPrix** **PUSINGAN 1**  
Kejuaraan Cub Prix AAM Malaysia PETRONAS  
**Litar MAEPS, Serdang (Tapak MAHA)**  
**12-13 Mac 2016**  
**Masuk Percuma!**

# SUKAN

LAYAK PUSINGAN KETIGA PIALA FA

## RED GIANTS TEPATI SASARAN

OLEH HAFIZANTAI

**PAROI** - Kejayaan mengalahkan AirAsia Allstars FC dalam pusingan kedua Piala FA di Stadium Paroi, pada 19 Februari lalu memenuhi sasaran The Red Giants ke kelayakan seterusnya yang menjinkan saingan lebih mencabar.

Ketua Jurulatih Red Giants, Zainal Abidin Hasan, berkata penyangon juara Piala Malaysia itu agak leka dan tidak banyak mencipta peluang dalam separuh masa pertama dan keadaan itu memberikan peluang AirAsia Allstars FC untuk mencabar.

"Apabila kita inginkan kemenangan dan kita berjaya."

"Saya tekankan kepada pemain dalam separuh masa kedua kena dapatkan gol secepat mungkin dan menguasai permainan. Itu yang permainan akan dengan baik," katanya.

Selangor memperoleh gol dalam separuh masa kedua menerusi Patrick Ronaldinho Wleh pada minit ke 69 dan Abdul Hadi Yahaya (m77) untuk mengatasi kelab dari Liga FAM itu 2 - 0.

Zainal berkata kecederaan beberapa pemain termasuk Ronaldinho tidak membimbangkan dan yakin pemain import dari Liberia itu sempat pulih untuk perlawanan menentang kelab Filipina, Ceres La Salle FC dalam saingan Piala

AFC di tempat lawan, pada 23 Februari.

Ronaldinho terpaksa digantikan Adam Nor Azlin kira-kira enam minit selepas menjaringkan gol dalam perlawanan terbabit.

Beberapa pemain termasuk Robert Cornthwaite difahamkan cedera dan pengendali The Red Giants itu merehatkan beberapa pemain dalam perlawanan Piala FA itu.

Bagaimanapun, Zainal memaklumkan dua pemain yang sah tidak akan menyertai pasukan untuk ke Filipina ialah Abdul Hazwan Bakri dan Mohd Fitri Shazwan Raduan.

Ketua pasukan, Shahrom Kalam berkata, pasukan tidak berasa terekan meskipun AirAsia Allstars FC memberikan cabaran hebat kepada mereka.

"Kita mencapai kemenangan dan syukur mara ke pusingan seterusnya."

"Pasukan akan terus berusaha untuk meningkatkan permainan dan memberi yang terbaik," katanya.



**SHAH ALAM** - Keserasian pemain import di bahagian serangan menjadi faktor kemenangan PKNS FC ke atas pasukan Liga Super, Terengganu dalam aksi Pusingan Ketiga Super Best Power Piala FA di Stadium Hang Jebat pada 19 Februari lalu.



Dipetik laman sesawang PKNS FC, Ketua Jurulatihnya, E Elavarasan, berkata pemain import baru, Matias Hadwa dan Juan Cobelli digandingkan

buat pertama kali dalam keselesaan utama setelah tidak dapat diturunkan sebelum ini akibat belum mendapat Sijil Perpaduan Antarabangsa (ITC).

Tewas dua kali sebelum ini, anak buah Elavarasan bermula baik walaupun hujan lebat mulai turun sebaik wisel permulaan ditiup dan Gabby Guerra banyak membuat larian merbahaya ke kawasan penalti Terengganu.

Dua rembatannya pada minit ke-11 dan ke-20 tersasar dan beliau juga berjaya membuat satu hantaran leret yang tidak dapat disudahi Juan Cobelli.

Sementara itu, penjaga gol PKNS FC, G Jeevanathan yang diturunkan buat pertama kali banyak menyelamatkan keadaan dengan menepis rembatan dari luar kotak penalti oleh Morales dan juga rembatan jarak dekat Norsharul.

Separuh masa kedua pula bermula dengan kedua pasukan banyak membuat serangan.



Cub Prix AAM Petronas 2016

Siap sedia gegar  
Litar Maeps

23



## Keserasian pemain import faktor kemenangan

PKNS FC berjaya memperoleh gol pertama pada minit ke-47 dengan Guerra sekali lagi membuat larian dan membuat satu hantaran kepada Matias Nicolas Hadwa yang berada di dalam kotak penalti dan memperdaya pertahanan Terengganu lalu menewaskan penjaga gol Sharbinee Allawee.

Tersentak dengan gol itu, Terengganu tidak mudah berputus asa dan mendapat gol pernyamaan melalui Fakurrazi yang mendapat hantaran dari Vincent Bikana.

Pada minit ke-73, Guerra sekali lagi menjadi duri dalam daging buat Terengganu apabila sepakan percumanya tepat ke kaki Soto untuk menjaringkan gol kedua PKNS FC.

Sepakan penalti yang disudahi Guerra pada minit terakhir perlawanan menambahkan lagi kekecwaan untuk Terengganu apabila Matias Nicolas Hadwa dijatuhan di dalam kotak penalti penjaga gol Sharbinee.

Kemenangan ini adalah suntikan moral buat PKNS FC untuk menghadapi perlawanan akan datang.

Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Dicetak oleh Angkatan Edaran Ent Sdn Bhd Lot 6, Jln Tukang 16/4, Sek. 16, 40000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Tel : 03-5519 6373 Fax : 03-5512 7985